

**ANALISIS METAFORA DALAM NOVEL
*ELACHIA PAYANAM***

MANOKARAN A/L RENGASAMY

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2019

**ANALISIS METAFORA DALAM NOVEL
*ELACHIA PAYANAM***

MANOKARAN A/L RENGASAMY

**[DISERTASI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA
PENGAJIAN BAHASA MODEN]**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2019

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: MANOKARAN A/L RENGASAMY

No. Matrik: TGA 110002

Nama Ijazah: SARJANA

Tajuk Disertasi

ANALISIS METAFORA DALAM NOVEL *ELACHIA PAYANAM*

Bidang Penyelidikan:

SOSIO LINGUISTIK

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:13.Mac 2019

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:13 Mac 2019

Nama:

Jawatan:

ANALISIS METAFORA DALAM NOVEL *ELACHIA PAYANAM*

ABSTRAK

Metafora merupakan salah satu unsur yang penting dalam penghasilan kesusasteraan. Unsur-unsur yang dijadikan metafora dalam sesebuah karya dapat menggambarkan pemikiran, budaya, kepercayaan, cara hidup dan perasaan manusia. Oleh itu, satu kajian yang bertujuan menganalisis jenis-jenis metafora dan perbezaan penginterpretasian maksud metafora dengan penulis novel dan responden telah dijalankan. Dalam kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif diskriptif ini, pengkaji telah menjadikan sebanyak 30 metafora sebagai sampel utama kajian untuk menganalisis unsur-unsur yang dijadikan metafora dalam novel. Pengkaji menggunakan Teori Konseptual Metafora Lakoff dan Johnson (1980) untuk menganalisis novel *Elachia Payanam* bagi mengenal pasti jenis-jenis metafora yang wujud dalam novel tersebut. Di samping itu, perbezaan yang wujud dalam penginterpretasian metafora oleh guru-guru Bahasa Tamil sekolah menengah juga turut dikaji. Dapatkan kajian menunjukkan penulis novel telah menggunakan metafora jenis struktural, dan ontologi bagi menggambarkan metafora. Beberapa unsur flora dan fauna dijadikan sumber domain (SD) bagi menunjukkan metafora. Penggunaan unsur-unsur ini menunjukkan cara hidup, pemikiran dan kepercayaan masyarakat Tamil yang hidup di ladang. Sebanyak 60 peratus maksud yang diberikan oleh guru adalah tepat. Perbezaan ini disebabkan oleh pemahaman konteks, pemikiran dan budaya turut menjadi sebab perbezaan penginterpretasian. Kesimpulannya, penggunaan metafora memang membawa pelbagai penginterpretasian mengikut beberapa faktor.

METAPHORICAL ANALYSIS IN NOVEL *ELACHIA PAYANAM* ABSTRACT

Metaphors are one of the important elements in literary work. The elements which have been used as metaphors in a piece of writing can illustrate the thinking, culture, beliefs, lifestyle and humans' feelings. Therefore, a study aimed at analyzing the types of metaphors and different interpretation of metaphorical meanings between the novelist and respondents had been carried out. In this study which had used the descriptive qualitative approach, the researcher made a total of 30 metaphors as the main sample of the study to analyze the elements that are used as metaphors in the novel. The researcher used Lakoff and Johnson's (1980) conceptual theory of metaphors to analyze the *Elachia Payanam* novel in order to identify the types of metaphors existed in the novel. In addition, differences in the interpretations of the metaphors among the Tamil teachers had also been studied. The findings of the study showed that the novelist had used structural metaphors and ontologies to illustrate the metaphors. Some elements of flora and fauna were used as domain resources (SD) to show metaphors. The use of these elements demonstrated the lifestyle, way of thinking and beliefs of the Tamil people living in the estates. A total of 60 percent of the interpretations given by the teacher were accurate. This is due to the fact that the use of several Tamil terms by the novelist was different with the northern states of Peninsular Malaysia. Additionally, it was also identified that the understanding of context, thinking and culture were also the cause of different interpretation. In conclusion, the use of metaphors does bring various interpretations based on several factors.

PENGHARGAAN

Namashivaya. Bersyukur kepada Tuhan yang maha kuasa kerana dengan limpah kurniaNYA saya dapat menyempurnakan kajian ini.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada Bahagian Tajaan Kementerian Pelajaran Malaysia kerana memberi peluang kepada saya untuk melanjutkan pelajaran pada peringkat sarjana di Universiti Malaya. Ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada mantan pensyarah peribadi saya iaitu En.Supramani a/l Shoniah yang membimbang dan mencorakkan penulisan ini. Selepas persaraan beliau, saya telah dibimbing oleh Dr.Krishnaveni Shunmugam.yang memantapkan hasil tugas saya. .Ucapan setinggi-tinggi terima kasih juga kepada semua kakitangan Fakulti Bahasa dan Linguistik khasnya kakak Noor Haifa.

Buat isteri yang menjadi bayang hidupku, Mala A/P Varadan, saya merakamkan jutaan terima kasih atas sokongan dan kerelaan menghadapi setiap detik sepanjang perjalanan ke mercu kejayaan. Sekalung terima kasih juga kepada ketiga-tiga anak saya Kesvar Manokaran, Aarthi Manokaran dan Inttiran Manokaran yang sentiasa menggerakkan saya sehingga saya menghabiskan pengajian. Semoga kejayaan saya menjadi dorongan kepada mereka untuk mencapai kejayaan yang cemerlang pada masa akan datang. Ucapan jutaan terima kasih dirakamkan kepada kedua-dua keluarga saya dan ahli keluarga bapa mertua saya yang telah memberi galakan dan dorongan sepanjang kajian ini dijalankan. Kejayaan tidak akan tercapai tanpa rakan seperjuangan. Saya menabur bunga-bunga budi kepada rakan seperjuangan saya iaitu En.Selvakumaran, Dr.Selvajothi, En.Isai Amuthan, Pn.Pushpa dan Pn.Sumathi. Tanpa mereka tiada kejayaan ini. Pengorbanan dan sokongan itulah yang menjadi perangsang kepada saya sehingga berjaya menamatkan pengajian di peringkat sarjana. Akhir kata saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan

ucapan terima kasih kepada semua yang membantu secara langsung maupun secara tidak langsung. Terima kasih semua. Om sai ram.

MANOKARAN A/L RENGASAMY
FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2019

ISI KANDUNGAN

PERAKUAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI FONEM DAN GRAFEM TAMIL	xv

KANDUNGAN		HALAMAN
BAB 1 : PENDAHULUAN		1
1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	4
	1.1.1 Perkembangan Sejarah Novel Tempatan	4
	1.1.2 Metafora	7
1.2	Pernyataan Kajian	10
1.3	Objektif Kajian	12
1.4	Persoalan Kajian	12
1.5	Kepentingan Kajian	13
1.6	Batasan Kajian	15
1.7	Kesimpulan	16

BAB 2 : SOROTAN KAJIAN	17
2.0 Pengenalan	17
2.1 Metafora	17
2.2 Metafora dari perspektif bahasa Tamil	25
2.3 Teori Metafora Konseptual	27
2.3.1 Metafora Struktural	27
2.3.2 Metafora Orientasi	28
2.3.3 Metafora Ontologi	29
2.4 Kajian Lepas	32
2.5 Kesimpulan	45
BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN	46
3.0 Pengenalan	46
3.1 Kerangka Kajian	46
3.2 Kerangka Teori	47
3.2.1 Teori Metafora Lakoff dan Johnson	47
3.3 Sumber Data Kajian	50
3.3.1 Novel <i>Elachia Payanam</i>	50
3.4 Responden Kajian	51
3.5 Instrumen Kajian	54
3.5.1 Soal Selidik	54
3.6 Kaedah Pengumpulan Data	56
3.6.1 Kajian Teks	56
3.6.2 Data Soal Selidik	56
3.6.3 Kajian Keperpustakaan	57

3.7	Penganalisisan Data	58
3.8	Kesimpulan	59
BAB 4 : PENGANALISISAN DATA		60
4.0	Pengenalan	60
4.1	Metafora Struktural	63
	4.1.1 Metafora Struktural Berunsur Perlakuan	64
	4.1.2 Metafora Struktural Berunsur Alam	65
	4.1.3 Metafora Berunsur Binatang	75
	4.1.4 Metafora Berunsur Anggota Badan	84
	4.1.5 Metafora Berunsur Lain-Lain	86
4.2	Metafora Ontologi	92
	4.1.1 Metafora Ontologi Berunsur Perlakuan	93
	4.1.2 Metafora Ontologil Berunsur Alam	96
4.3	Perbezaan Penginterpretasian Maksud Metafora Antara Penulis Novel Dengan Responden	97
4.4	Analisis Kajian Persoalan 2	118
4.5	Kesimpulan	122
BAB 5 : KESIMPULAN		123
5.0	Pengenalan	123
5.1	Perbincangan Dapatan	123
	5.1.1 Jenis-jenis metafora	124
	5.1.2 Perbezaan Maksud Metafora	126
5.2	Implikasi Kajian	127
5.3	Cadangan Kajian Masa Depan	129
5.4	Kesimpulan	130

Rujukan	131
Lampiran 1	140
Lampiran 2	145

SENARAI JADUAL

	TAJUK	HALAMAN
Jadual 3.1	Teori Konseptual Metafora Lakoff dan Johnson	50
Jadual 3.2	Responden Kajian Mengikut Negeri	51
Jadual 3.3	Maklumat Responden Mengikut Sekolah dan Pengalaman Tahun Mengajar	53
Jadual 3.4	Keputusan Kajian Rintis	55
Jadual 3.5	Prosedur Penganalisisan data	58
Jadual 4.1	Carta Aliran Analisis	60
Jadual 4.2	Bilangan Metafora dan Personifikasi dalam Novel <i>Elachia Payanam</i>	61
Jadual 4.3	Pengkategorian Metafora Mengikut Unsur	62
Jadual 4.3.1	Perbezaan Penginterpretasian Maksud Hati Berkecamuk	98
Jadual 4.3.2	Perbezaan Penginterpretasian Maksud Gerombolan Kambing	99
Jadual 4.3.3	Perbezaan Penginterpretasian Maksud Berfantasi Liar	100
Jadual 4.3.4	Perbezaan Penginterpretasian Maksud Binatang Buas	101
Jadual 4.3.5	Perbezaan Penginterpretasian Maksud Pancaroba Hidup	102
Jadual 4.3.6	Perbezaan Penginterpretasian Maksud Generasi Lembu	103
Jadual 4.3.7	Perbezaan Penginterpretasian Maksud Saluran Kesatuan Sekerja	104
Jadual 4.3.8	Perbezaan Penginterpretasian Maksud Wanita Berapi	105
Jadual 4.3.9	Perbezaan Penginterpretasian Maksud Berhati Wanita	106

Jadual 4.3.10	Perbezaan Penginterpretasian Maksud Menerjah dan Mendakap tangan	107
Jadual 4.3.11	Perbezaan Penginterpretasian Maksud Penjara Perkahwinan	108
Jadual 4.3.12	Perbezaan Penginterpretasian Maksud Menggapai Tangan	109
Jadual 4.3.13	Perbezaan Penginterpretasian Maksud Burung Hantu	110
Jadual 4.3.14	Perbezaan Penginterpretasian Maksud Lautan Tangisan	111
Jadual 4.3.15	Perbezaan Penginterpretasian Maksud Tangisan buaya	112
Jadual 4.3.16	Perbezaan Penginterpretasian Maksud Alat Permainan	113
Jadual 4.3.17	Perbezaan Penginterpretasian Maksud Lautan Besar	114
Jadual 4.3.18	Perbezaan Penginterpretasian Maksud Semarak Kejayaan	115
Jadual 4.3.19	Perbezaan Penginterpretasian Maksud Ikan Paus	116
Jadual 4.3.20	Perbezaan Penginterpretasian Maksud Luka Lama	117

SENARAI RAJAH

	TAJUK	HALAMAN
Rajah 3.1	Proses Kajian	46
Rajah 3.2	Teori Metafora Konseptual	48
Rajah 4.1	Pengkategorian Metafora Mengikut Unsur	60

SENARAI SINGKATAN

SS	:	Sumber Sasaran
SD	:	Sumber Domain
TD	:	Target Domain
G	:	Ground
SPM		Sijil Pelajaran Malaysia
ASTRO		Asia satellite Television Radio Orbit
NLFCS		National Land Finance Cooperative

SENARAI FONEM DAN GRAFEM TAMIL

VOKAL

அ	-	a
ா	-	ā
இ	-	i
ஈ	-	ī
உ	-	u
ஊ	-	ū
எ	-	e
ஏ	-	ē
ஐ	-	ai
ஓ	-	o
ஔ	-	ō
ஓா	-	au
ஃ	-	q

KONSONEN

க - k	ங - n	ஞ - y
ச - c	ஞ - ñ	஝ - r
ட - t	ஞ் - ñ	ள - l
த - t	ந - n	வ - v
ப - p	ம - m	ப - l
ஷ - r	ஞ - n	ன - l

(NHM converter)

University Of Malaya

BAB 1

PENGENALAN

1.0 PENGENALAN

Bahasa adalah pengantar dan bahan penciptaan karya sastera. Ini bermakna bahasa merupakan akar umbi untuk penghasilan karya sastera (Kamsiah, 2012). Penggunaan bahasa dalam karya sastera jauh berbeza dengan penggunaannya dalam penulisan harian. Bahasa yang digunakan dalam karya penulisan sastera lebih berseni berbanding penulisan biasa. Dalam penulisan karya sastera maksudnya juga disampaikan secara tersirat (Varatharaasan, 2010).

Bahasa merupakan satu alat keperluan sosial dalam menyampaikan maksud (S.Nathesan, 2001). Lantaran itu, sastera menggunakan bahasa sebagai alat penyampaian sesuatu maksud. Demi mengindahkan hasil penulisan supaya lebih menarik maka penggunaan bahasa kiasan digunakan secara meluas. Bahasa kiasan juga berperanan sebagai alat komunikasi dalam bentuk simbolik sama ada dalam bentuk lisan maupun bertulis. Selain ini, bahasa juga berfungsi untuk mengekspresi perasaan, pengalaman, idea dan pengamatan seseorang dalam bentuk penulisan.

Bahasa dan kesusasteraan tidak boleh diasingkan lagi. Kesusasteraan Tamil telah berkembang pesat sejak zaman *sanggam*. Ia meliputi tiga *sanggam*. *Sanggam* boleh diertikan sebagai dewan persidangan para cendekiawan. Setiap *sanggam* dinaungi oleh keturunan kerabat Raja Paandian (Srinivasan, 2007). Tiada apa-apa diperolehi dari zaman *sanggam* ini iaitu kurun ke-3 masihhi kerana dilanda tsunami.

Hanya buku *Tholkappiyam* yang diperolehi dari zaman *sanggam* kedua. Buku *Tholkaappiyam* yang ditulis oleh *Tholkappiyar* selain merupakan buku tata bahasa yang terulung bahkan melambangkan keadaan politik, sosial dan ekonomi masyarakat zaman *sanggam*. Bukan sekadar itu sahaja, buku *Tholkappiyam* juga melambangkan keadaan politik dan sosio-ekonomi masyarakat zaman *sanggam* (Karunanithi, 1990). Pada zaman kegemilangan *sanggam* banyak buku klasik telah ditulis. Antaranya, *Kurunthogai*, *Pathu paathu*, *Kurinji paadhu* dan sebagainya. Epik pertama Bahasa Tamil adalah *Silapathikaara* yang ditulis oleh *Elangovadigal* pada tahun 2 sebelum masihi (Supramaniam, 2010). Selain epik ini, empat lagi epik yang dihasilkan iaitu *Manimegalai*, *Valaiyapathi*, *Kundalakesi*, dan *Seevaga sinthamani*.

Terdapat juga buku etika yang teragung iaitu *Thirukkural* yang ditulis oleh *Thiruvalluvar*. *Thirukkural* mempunyai 1330 kuplet yang memfokuskan 133 bidang. Antaranya, keagungan tuhan, kenikmatan hujan, persahabatan, dan lain-lain lagi. Ia bukan sahaja melambangkan keunggulan Bahasa Tamil malah, membuktikan Bahasa Tamil mempunyai satu sejarah yang begitu lama dan panjang. Kesemua ini telah membolehkan pihak UNESCO mengiktiraf Bahasa Tamil sebagai antara tujuh Bahasa Klasik Dunia (George, 2007).

Setiap masyarakat harus mengetahuikekayaan kesusasteraan masing-masing. Setiap bangsa mempunyai kekayaan kesusasteraan masing-masing. Jadi, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah memberi penekanan kepada pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan khasnya bahasa kiasan melalui komponen kesusasteraan (Sukatan Baru KBSM, 2001). Keadaan ini agak berbeza dengan bahasa Tamil dan bahasa Cina. Bagi kedua-dua mata pelajaran ini komponen kesusasteraan tidak diajar bersama subjek bahasa

Tamil dan bahasa Cina. Komponen kesusasteraan bagi kedua-dua subjek tersebut diajar secara berasingan. Ini bermakna kesusasteraan diajar sebagai satu mata pelajaran penuh sejak tahun 1956.

Memandangkan karya sastera memainkan peranan penting dalam pembentukan jati diri pelajar, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah memberikan penekanan terhadap pembelajaran dan pengajaran karya sastera. Penekanan ini diberikan kepada bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Tamil dan bahasa Cina. Tambahan lagi, Kementerian Pelajaran Malaysia mewujudkan satu subjek khas untuk Kesusasteraan masing-masing pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Ini bertujuan untuk melahirkan pelajar yang menguasai aspek kebahasaan, kepuitisan berbahasa, kehalusan bahasa dan penghayatan bahasa (Parvathy, 2012). Kesemua ini hanya akan dicapai jika seseorang benar-benar memahami maksud atau semantik bahasa kiasan yang digunakan. Jadi, seseorang pelajar harus terlebih dahulu dapat menafsir segala bahasa kiasan yang digunakan dalam teks tersebut dan mengetahui maksud atau semantik yang disampaikan secara tepat. Oleh itu, novel, sajak, dan drama dijadikan sebagai teks kesusasteraan.

Dalam subjek kesusasteraan tiga komponen akan diuji. Novel, puisi dan drama merupakan komponennya. Sejak tahun 1956 kesemua buku kesusasteraan Tamil adalah dari Negara India khasnya Tamil Nadu. Novel-novel hasil nukilan Mu.Varatharasan, Agilan, Na.Paarthaasarathi telah dijadikan sebagai buku teks (Lembaga Peperiksaan). Malah, sajak-sajak karya penyajak India dijadikan buku teks. Keadaan ini berubah sejak tahun 2002. Mulai tahun tersebut beberapa sajak tempatan diselitkan dalam buku teks sajak.

Pada tahun 2012, novel tempatan, *Elachia Payanam*, yang ditulis oleh Ilavazhagu (1972), dipilih sebagai buku teks kesusasteraan Tamil.

1.1 Latar Belakang Kajian

1.1.1 Sejarah Novel Tempatan

Perkataan ‘novella’ yang merupakan bahasa Itali menjadi asas bagi kewujudan istilah novel dalam Bahasa Melayu. Dalam bahasa Tamil, novel disebut ‘*puthinam*’ atau cerita panjang. Jadi, kisah imaginasi novelis dikatakan sebagai novel. Imaginasi yang dimiliki oleh seseorang novelis membolehkan mereka mengisahkan sesuatu peristiwa dengan sedalam-dalamnya.

Penajah Inggeris yang menjajah India pada kurun ke-18 telah membawa masuk konsep novel ke India. Mereka merupakan orang yang dipertanggung jawab bagi pengenalan novel di India. Apabila pihak Inggeris memerintah Tanah Melayu sejak tahun 1871, ramai imigren dibawa masuk dari Tamil Nadu, India ke Tanah Melayu. Padak ketika itu orang Inggeris membawa masuk konsep novel ke Tanah Melayu (Sababathy, 2007). Pada awalnya masyarakat India di tanah Melayu banyak membaca novel-novel dari India. Ini disebabkan oleh kurangnya pendedahan dalam penulisan novel dalam bahasa Tamil. Namun, mulai abad ke - 20an, penulisan novel mula berkembang. Novel bertajuk ‘*Meenachi @ Malaai Nathu Manggai*’ yang ditulis oleh Kanthaiyah Pillai pada tahun 1916 merupakan novel pertama yang ditulis di Tanah Melayu (Tamil Nesan, 2007:p.11). Antara tahun 1916 hingga 1938 sebanyak 25 buah novel telah diterbitkan yang memfokuskan plot cerita, latar tempat, masa, dan masyarakat berdasarkan India dan Sri Lanka (Sababathy, 1995).

Perubahan yang ketara dapat dilihat selepas kemerdekaan dalam hasil penulisan novel. Pada ketika ini latar tempat dan latar masyarakat yang dipaparkan dalam novel tempatan memusatkan masyarakat India di Tanah Melayu. Antara tema utama adalah kebebasan daripada anasir luar, kemiskinan, dan kisah cinta. Terdapat juga novel yang mengisahkan kejayaan dan kecundangan masyarakat tempatan. Antara novel yang terkenal pada ketika itu adalah *Thuyarapathai* (1958), *Elachia Payanam* (1972), *Maravlli Kizhanggu* (1979), *Payananggal Mudivathillai* (1988). Seterusnya, perkembangan yang drastic telah berlaku dalam era sembilan puluhan. Bermula dari tahun 1980 hingga 1990 sebanyak 27 buah novel telah diterbitkan. Manakala, sebanyak 43 buah novel diterbitkan antara tahun 1990 hingga 1992. Pada tahun 1996, 2003 dan 2004 tiada novel diterbitkan langsung. (Sababathy,1997). Terdapat perbezaan tema antara novel-novel dari India dan Malaysia. Novel-novel Tamil yang ditulis antara tahun 1990 hingga 1999 di India banyak bertemakan marxisme, *Thalithyum* dan kewanitaan. Manakala di Malaysia keadaan ini agak berbeza. Banyak novel bertemakan kewanitaan ditulis dalam jangka masa yang sama di Malaysia. Isu-isu wanita seperti kesamarataan, penderaan, dan penceraian banyak disuarakan melalui novel-novel pada tahun-tahun tersebut. Pemikiran untuk memperjuangkan hak kesamarataan wanita di Malaysia mula berkembang melalui sajak-sajak Bharatiyar.

Perkembangan novel di Malaysia memang pesat. Ini kerana keprihatinan pihak penerbitan surat khabar menyiaran novel dalam bentuk mingguan memberi satu impak yang berkesan. Selain itu, bengkel-bengkel penulisan novel yang berterusan juga memainkan peranan penting dalam perkembangan novel di tanah air (Re.Karthigesu, 2007). Pelbagai pertandingan mengarang novel turut diadakan bagi menyemarakkan

penulisan ini. Contohnya, mulai tahun 2005, pihak ASTRO bersama Persatuan Penulis Tamil Malaysia telah mengadakan Pertandingan Menulis Novel dan telah mendapat sambutan hangat dari penulis veteran maupun muda.

Selain itu, ramai penulis tanah air yang terkenal seperti Dr.R.Karthikesu, A. Rengasamy, C. Muthusamy, P. Chandrakantham, M. Ramaiyah banyak menyumbang tenaga ke arah perkembangan novel tempatan.. Tambahan pula, ramai penulis cerpen seperti I.Elavazhugu, K.Punniavan, Ponnazhagu, dan *Kavichudar* Karaikizar telah mula menulis novel. Antara mereka, Dr. R. Karthigesu merupakan penyumbang paling besar ke arah perkembangan novel tempatan. Beliau telah menulis 17 buah novel yang berlatarbelakangkan kehidupan masyarakat India di Malaysia. (Kumaran, 2010) Kesimpulannya, perkembangan novel di Malaysia berkembang pesat sejak tamatnya zaman kemerdekaan. Kini, plot dan jalan ceritanya juga berbeza. Pelbagai isu terkini seperti masalah remaja, masalah kedatangan pemuda Bangladesh, pengaruh filem dan kewanitaan merupakan antara tema-tema penting novel. Penulisan novel dalam bahasa Tamil telah melalui pelbagai tema mengikut peredaran zaman dan perkembangan di Tamil Nadu, India.

Novel *Elachia Payanam* ditulis oleh Elavazhugu pada tahun 1972. Persatuan Penulis Tamil Malaysia dengan kerjasama Pertubuhan Peladang Kebangsaan telah menganjurkan Pertandingan Menulis Novel Tamil yang pertama. Dalam pertandingan tersebut, novel ini telah mendapat tempat pertama dan ini merupakan novel pertama yang memenangi hadiah dalam pertandingan tersebut.

Kajian ini memfokuskan novel *Elachia Payanam*. Kegigihan seorang pemuda untuk mencapai matlamat hidupnya adalah temanya. Mathavan, watak utama, mempunyai matlamat untuk memiliki ladangnya sendiri. Tetapi, apakah dayanya? Ceritanya bermula dari ladang getah. Setelah habis kerja, pada waktu petang dia mengadakan kelas tambahan untuk pelajar-pelajar sekolah Tamil di ladang tersebut. Mathavan juga bergiat aktif dalam pertubuhan peladang. Dia yang menyandang jawatan setiausaha pertubuhan telah banyak menyelesaikan masalah pekerja ladang bersama ketuanya, Arumugam. Pada ketika itu, V.T.Sambanthan giat menggalakan peladang untuk melabur dalam koperasi peladang. Mathavan mendapat ilham untuk memiliki ladangnya sendiri. Bagi mencapai cita-cita tersebut, dia berhasrat untuk bermula. Dia mula dengan perniagaan buku, kain dan kemudiannya berjaya membeli ladang yang kecil. Mathavan berusaha lagi dan akhirnya dia berjaya membeli beberapa ladang lagi dan menggabungkannya menjadi satu dan menamakannya ‘Ladang Peladang’.

1.1.2 Metafora

Bahasa digunakan sebagai alat utama dalam menyebarkan sastera. Bahasa yang digunakan oleh pengarang adalah untuk menyampaikan isi hati dan pemikiran beliau. Khususnya bahasa pengarang karya sastera bersifat subjektif dan peribadi. Bahasa yang digunakan dalam karya sastera begitu halus, bermakna, indah dan mencetuskan pelbagai perasaan serta reaksi. Ini kerana maksud yang disampaikan oleh penulis lebih menyebelahi literal, Bagi mengkias sesuatu objek untuk dibuat sebagai metafora bahasa *non-literal* ini banyak digunakan.. Penulisan novel, sajak, puisi dan drama tidak terlepas daripada pendekatan ini. Penggunaan bahasa kiasan yang luas dalam karya sastera memudahkan pemahaman dan memikat para pembaca.

Penulisan karya-karya kesusasteraan Tamil tidak boleh lari daripada metafora. Metafora dijadikan sebagai satu alat penting untuk menyampaikan maklumat secara tersirat. Metafora berperanan sebagai satu wahana penting dalam melahirkan pemikiran seseorang (Rafidah, 2012). Percambahan pemikiran ini membolehkan seseorang berkomunikasi antara satu sama lain. Komunikasi yang baik adalah keberkesan seseorang dalam menyampaikan maklumat, mesej, dan pemikiran dengan tepat dan singkat (Zaitul Azma & Ahmad Fuad, 2011). Penyampaian mesej dan maklumat menjadi lebih tepat dengan penggunaan bahasa kiasan.

Menurut Patrina (2004), metafora bermaksud ungkapan-ungkapan tersirat untuk menggambarkan sesuatu. Tambahan, ia berfungsi untuk menyampaikan maklumat dengan tepat dan singkat tanpa berputar belit (Patrina, 2004). Dalam hal ini, penggunaan bahasa kiasan kurang mengambil tempat dalam perbualan harian. Walaupun ada yang menggunakan tetapi kadar penggunaan adalah terlalu sedikit (Gopalan, 2008).

Lain pula keadaannya dalam bidang penulisan. Penulisan novel, cerpen, syair, sajak dan lain-lain lagi tidak boleh lari dari penggunaan metafora. Ini kerana pantun dan syair memerlukan penggunaan kata yang singkat lagi bermakna. Demi memenuhi kehendak ini, metafora digunakan secara meluas. Manakala, penggunaan metafora dalam novel dan cerpen juga tidak kurang pentingnya. Adalah difahami bahawa penggunaan metafora dalam sajak mahupun syair cukup ternyata peranannya (Seen, 2007). Penggunaan metafora juga terdapat dalam penulisan berbentuk prosa khasnya novel.

Pandangan Mohanraj (1987), juga menyatakan bahawa, bahasa kiasan iaitu, metafora mempunyai hubungan erat dengan kehidupan masyarakat Tamil. Tingkah laku masyarakat yang hidup pada zaman dahulu berasaskan cerita purba (*purana*), kepercayaan masyarakat Tamil, kerjaya mereka, pengangkutan yang digunakan, flora dan fauna, astronomi, kesenian dan sebagainya.

Bahasa kiasan khasnya metafora dikatakan sebagai bahasa imaginatif. Ia membawa maksud yang berlainan daripada apa yang ditulis (Hashim, 1984). Metafora wujud apabila seseorang menghubungkaitkan sesuatu dengan benda abstrak maupun konkret. Sebelum menghubung kait seseorang akan melihat pada persamaan dan perbezaan. Pemikiran untuk menghubungkait ini timbul daripada pengalaman. Oleh itu, penggunaan bahasa kiasan khasnya metafora bukan disengajakan malah ia sentiasa tepat penggunaannya.

Masyarakat Melayu kaya dengan budaya dan budi pekerti. Kehidupan masyarakat khasnya masyarakat Melayu mengamalkan cara hidup sederhana dan berjiwa alam ini juga dapat dilihat melalui metafora (Jamaliah, 2005). Pemilihan kata digunakan hasil pengamatan dan ketepatan makna yang didukungnya. Keadaan yang sama dapat dilihat dalam novel bahasa Tamil. Metafora yang digunakan dalam novel-novel bahasa Tamil menggambarkan sosioekonomi, kebudayaan dan cara hidup masyarakat India (Sababathy, 2007).

Metafora adalah perhubungan sesuatu objek dengan satu objek yang lain berdasarkan kiasan yang tepat. Ada kalanya sesuatu konsep dengan satu konsep yang lain juga dikiaskan. Metafora dapat dikatakan sebagai suatu bandingan atau analogi. Kata

bandingan seperti ‘*bagai*’, ‘*bak*’ dan ‘*umpama*’ tidak digunakan. Contohnya, ‘Dia itu singa.’ *Dia* sebenarnya dimaksudkan dengan sifat keberanian seseorang.

Menurut Ibrahim (2008), metafora juga memberikan satu pandangan yang baharu terhadap sesuatu metafora. Pandangan ini difahami oleh pembaca di samping menjelaskan sesuatu yang abstrak. Beliau juga berpendapat metafora sering dijadikan pengganti kepada sesuatu perkataan yang konkret dengan perkataan lain yang abstrak. Metafora juga dikatakan sebagai proses linguistik yang memindahkan maksud yang didukung oleh sesuatu benda kepada benda lain. Ibrahim (2008), memperkenalkan enam jenis metafora iaitu metafora using, metafora lapuk, metafora ranca, metafora luasan, metafora klise dan personifikasi.

1.2 Pernyataan Masalah

Kurikulum pendidikan sentiasa digubal seiring peredaran zaman bagi memastikan kandungan kurikulum sejajar dengan arus globalisasi (Seman, 2005). Kementerian Pelajaran Malaysia telah menggubal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang merangkumi tahun 2013 hingga 2025. Pelbagai perubahan telah dirancang bagi melengkapkan murid-murid ke arah pembangunan sejagat. Penekanan mula diberikan kepada STEM (Science, Technology, Engineering, Mathematics). Perubahan-perubahan ini mewujudkan masalah kegusaran guru terhadap perubahan kurikulum. Kegusaran ini jelas mempengaruhi pelaksanaan inovasi dalam pengisian kurikulum (Sharifah, Nor Adirah, Mohd.Mahzan & Aliza, 2012). Pengajaran dan pembelajaran berinovasi juga penting bagi mata pelajaran Kesusteraan. Bahan sastera itu sendiri boleh dijadikan bahan berinovasi dan berinformasi.

Penggunaan bahan kesusasteraan dalam pengajaran dan pembelajaran adalah dianggap satu langkah yang terbaik untuk menghiburkan pelajar selain mencorakkan pemikiran serta budaya (Rajendran, 2000). Pemikiran dan budaya sesuatu bangsa yang ditonjolkan dalam sesebuah karya kesusasteraan banyak digambarkan melalui penggunaan bahasa kiasan (Zaitul, 2011).

Malangnya, pengkaji sebagai pendidik mendapati guru-guru tidak dapat memahami maksud yang disampaikan melalui bahasa kiasan. Apatah lagi pelajar untuk memahami maksud metafora. Guru-guru yang mengajar Kesusasteraan Tamil tidak dapat memahami maksud bahasa kiasan secara tepat. Maksud denotasi sesuatu bahasa kiasan dapat dilihat dalam kamus. Mereka didapati tidak dapat memahami maksud konotasi. Mereka kurang memahami maksud tersirat secara tepat. Ini disebabkan oleh ketiadaan item soalan bahasa kiasan pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

Jadi, guru-guru mengambil ringan tentang penggunaan bahasa kiasan dalam genre sastera yang bakal mereka ajar nanti. Guru-guru lupa bahawa bahasa kiasan adalah inti pati dalam mengindahkan jalan cerita (Zurainu & Abdull, 2012). Walaupun bahasa kiasan bukanlah satu soalan yang popular pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia tetapi guru-guru perlu memberi penekanan terhadap penggunaan bahasa kiasan dan gaya bahasa tersebut. Ini kerana pengupasan bahasa kiasan menggunakan teknologi Bloom pasti menyeronokkan pelajar. Pelajar akan mengetahui pelbagai perkara baru tentang cara hidup masyarakat khasnya masyarakat India, budaya dan maksud simbolik di sebalik penggunaan bahasa kiasan tersebut (Balakrishnan, 2007). Guru-guru sedar tentang perkara ini tetapi mereka terlalu mengejar pencapaian. Lantaran itu, mereka menganaktirikan bahasa kiasan.

Tambahan pula, bahasa kiasan juga dapat mewujudkan situasi yang sebenar dalam ceritanya (Noraini, 2010). Selain itu, bahasa kiasan juga dapat memberi pelbagai interpretasi pada makna. Pelajar-pelajar mampu memberi penginterpretasian yang berbeza untuk setiap bahasa kiasan. Oleh kerana tidak pernah mencuba maka kita tidak dapat mengasah pemikiran pelajar. Kesemua ini hanya akan diketahui jika guru-guru mengaplikasikannya dalam kelas. Kekurangan ini merupakan jurang yang perlu diisi dalam kajian ini. Satu pendekatan baharu dalam pengajaran dan pemudahcaraan perlu dirangka sejajar dengan pendidikan abad ke-21. Pastinya ini akan membolehkan guru-guru menjalankan pembelajaran dan pemudahcaraan subjek Kesusastraan Tamil khasnya novel dengan lebih menarik.

1.3 Objektif Kajian

- 1.3.1 Untuk mengkaji jenis-jenis metafora yang digunakan dalam novel *Elachia Payanam*.
- 1.3.2 Untuk menjelaskan bahawa penggunaan metafora dapat mempelbagaikan interpretasi.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini tertumpu pada dua soalan yang harus dijawab iaitu:

1. Apakah jenis-jenis metafora yang digunakan dalam novel *Elachia Payanam*?
2. Bagaimanakah penggunaan bahasa kiasan dapat mencetuskan interpretasi yang pelbagai?

1.5 Kepentingan kajian

Kajian ini merupakan kajian tunggal yang mengkaji penggunaan bahasa kiasan dalam kesusasteraan Tamil prosa iaitu novel. Lantaran itu, kajian novel ini menjadi penanda aras bagi bakal pengkaji yang mengkaji metafora dalam novel bahasa Tamil. Kajian ini bakal mengisi kekosongan yang terdapat pada bidang semantik khasnya kesusasteraan Tamil. Menurut pengkaji, kajian ini amat penting dan diperlukan kerana sepanjang pengetahuan penulis, setakat ini belum ada lagi kajian yang seumpama ini dilakukan oleh pengkaji-pengkaji tempatan. Kajian yang dilakukan oleh Krishnan (2009), hanya menyentuh sedikit tentang metafora dalam novel-novel tempatan *Re.Karthigesu*. Oleh yang demikian , kajian ini dianggap penambahbaikan untuk kajian masa depan dalam bentuk prosa.

Selain itu, novel memainkan peranan penting dalam masyarakat Tamil. Kehidupan masyarakat Tamil dapat digambarkan melalui novel (Sababathy, 2007). Kiasan dalam novel memainkan peranan penting ketika menyampaikan buah fikiran (Nurliza, 2002). Apabila bahasa kiasan digunakan dalam penulisan novel, buah fikirannya dapat disampaikan secara indah, menarik dan berkesan. Penggunaan bahasa kiasan seperti metafora, simili, hiperbola dan lain-lain lagi mengetengah nilai-nilai murni yang dapat diserapkan ke dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil. Penggunaan bahasa kiasan ini juga menunjukkan keunggulan bahasa Tamil kerana mengandungi pelbagai mesej yang memerlukan pembaca berfikir untuk memahaminya (Halizah, 2008). Secara tidak langsung, ini dapat meningkatkan intelek, rohani dan emosi masyarakat.

Kajian ini juga membolehkan para guru menjadikannya sebagai panduan untuk mengupas bahasa kiasan ketika mengajarnya dalam bilik darjah. Kajian ini mengupas metafora yang akan menjadi bahan pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru akan mandapat pelbagai idea interpretasi bagi metafora.

Kajian ini juga akan menarik minat pembaca khasnya guru dan pelajar untuk memahami pemikiran masyarakat Tamil melalui bahasa kiasan yang terdapat dalam novel *Elachia Payanam*. Masyarakat India kaya dengan pemikiran dan budaya (Seenii, 2013). Tambah beliau lagi, masyarakat India telah menceburi semua bidang yang ada di alam. Ini jelas melalui buku *Thirumanthiram* dan *Thirukkural* (KaliaPerumaal, 2007). Jadi ketinggian budaya Tamil disiratkan melalui bahasa kiasan khasnya metafora pada penulisan sastera. Metafora dalam novel *Elachia Payanam* ini juga pasti akan memperkatakan ketinggian adab masyarakat India. Kesemua ini bukan sahaja memberi idea kepada guru untuk menyerikan pengajaran dan pembelajaran malah memberi maklumat penting tentang kebudayaan Tamil serta sejarah ketamadunan Tamil di bumi ini.

Kajian ini juga menyedarkan para guru akan kepentingan bahasa kiasan ketika proses pengajaran dan pembelajaran bahasa, khususnya semasa penulisan karangan. Guru yang mengajar Kesusastraan Tamil pada masa yang sama boleh mengaplikasikan ilmu bahasa kiasan ketika mengajar penulisan karangan berbentuk cerpen. Item karangan cerpen atau drama merupakan salah satu item dalam kertas Bahasa Tamil peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Jadi, metafora yang dipelajari dalam novel *Elachia Payanam* boleh dijadikan model untuk mengajar novel.

Selain itu, kajian ini juga akan mengupas dan memberi kefahaman terhadap metafora yang digunakan dalam novel *Elachia Payanam*. Kupasan dan kefahaman ini penting bagi bakal pengkaji novel kerana kajian retorik dan bahasa kiasan bukan hanya terbatas pada puisi semata-mata. Kebiasaannya, pengkaji lebih suka mengkaji bahasa kiasan dalam sajak, pantun dan syair. Tetapi, bagi kajian ini pengkaji telah memilih novel sebagai bahan kajian.

Tambahan pula, kajian ini penting bagi pendidik yang mengajar subjek kesusasteraan Tamil di sekolah menengah. Oleh kerana ketiadaan huraihan sukatan pelajaran yang khas untuk Kesusasteraan Tamil pada masa kini, maka sudah tentu ia menyukarkan guru-guru untuk mengajar. Pengkaji percaya mungkin kajian ini akan memberi satu semangat baru kepada pendidik untuk mengajar. Ini kerana kajian novel ini akan membolehkan pembaca memahami bahasa kiasan dalam kesusasteraan Tamil prosa. Pemahaman ini penting untuk mendalami teks kesusasteraan dengan lebih mudah dan jelas. Bukan sekadar itu sahaja, penulisan kajian ini pasti akan memberi ruang kepada guru-guru untuk menyemai kepelbagaian berfikir mengikut konteks dan situasi.

I.6 Batasan Kajian

Novel Tamil tempatan, *Elachia Payanam* yangng ditulis oleh Elavalagu pada tahun 1972 dijadikan sebagai bahan kajian. Novel ini merupakan novel tempatan pertama yang digunakan sebagai teks Kesusasteraan Tamil pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Kajian terhadap novel ini penting kerana sejak tahun 1956 kesemua novel yang digunakan sebagai teks Kesusasteraan Tamil bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) adalah dari negara India. Tambahan pula, kajian ini hanya memfokuskan kepada metafora sahaja.

Selain itu, personifikasi juga digolongkan dalam metafora. Oleh yang demikian, personifikasi juga dikaji.

1.7 Kesimpulan

Secara amnya pengkaji telah menyatakan latar belakang kajian metafora yang akan dikaji dalam novel *Elachia Payanam*. Selain itu, objektif-objektif kajian, persoalan-persoalan kajian turut dinyatakan. Setiap persoalan ini dikaji secara terperinci untuk mendapatkan data kajian. Pengkaji juga turut menyatakan kepentingan kajian ini terhadap guru dalam pembelajaran dan pemudahcaraan.

BAB DUA

SOROTAN KAJIAN

2.0 PENGENALAN

Bab tinjauan literatur ini mengetengahkan dapatan kajian-kajian lepas dan pendapat para pengkaji mengenai aspek- aspek yang dikaji dalam penyelidikan ini. Tinjauan literatur ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama bab ini menjelaskan tentang pelbagai definisi metafora. Bahagian kedua membincangkan kajian-kajian lepas tentang metafora.

2.1 Metafora

Aristotle menganggap metafora sebagai suatu tindak substitusi atau pemindahan (transfer). Hal ini sesuai dengan makna etimologis kata metafora (bahasa Yunani) yang terdiri atas prefiks ‘meta’- dan verba ‘pherein’. Prefiks meta biasanya digunakan untuk menyampaikan suatu idea akan berubah manakala verba ‘pherein’ bererti ‘membawa’. Jadi secara harfiah, kata metafora mempunyai erti memindahkan maklumat. Sifat sesuatu benda, haiwan, manusia dan lain-lain dimetaforakan kepada benda lain.

Selain sebagai tindak substitusi, Aristotle (1968), juga meyakini bahawa metafora merupakan suatu bentuk perbandingan yang implisit berdasarkan prinsip analogi. Pandangan seperti ini secara umum dinamakan “the comparison theory of metaphor”. Berkenaan dengan penggunaan atau fungsi metafora, Aristotle menganggap bahawa fungsi utama metafora hanya sebagai bahasa ornamental, hanya sebagai alat retorika (Ortony, 1993: 3).

Perkataan metafora merupakan ‘memindahkan makna’ (Hawkes, 1972). Pemindahan makna yang dimaksudkan di sini adalah sesuatu yang disengajakan kerana bahan untuk dibandingkan dan membanding perlu sama. Maka dengan itu, metafora memberi gambaran yang jelas mengenai sesuatu kerana pemindahan yang dimaksudkan melibatkan pembentukan gambaran atau imej di fikiran.

Kamus Linguistik (1983) oleh Harimurthi Kridalaksana menyatakan bahawa metafora adalah persamaan yang wujud antara dua objek dan konsep yang dikiaskan. Contoh yang diberikan ialah ‘*kaki ayam*, dan ‘*kaki bukit*’. Kedua-duanya berdasarkan kiasan dengan kaki manusia dan merupakan contoh-contoh metafora beku.

Ada juga pelopor yang menyatakan bahawa bahasa kiasan simili dan metafora adalah berkait antara satu sama lain. Perbezaan yang jelas antara keduanya ialah kiasan simili menggunakan kata-kata seperti; bagai, seperti, bagaikan dan sebagainya. Manakala kiasan metafora merupakan perbandingan langsung tanpa menggunakan kata-kata seperti bagai, seperti, umpama dan sebagainya.

Larson (1984), menyatakan metafora dan simili ialah bahasa kiasan berbentuk gramatis yang mewakili dua proposisi di dalam struktur semantik. Proposisi mengandungi topik dan komen terhadap topik tersebut. Contohnya dapat dilihat seperti berikut:

contoh metafora	-	Dia lembu
contoh simili	-	Dia seperti lembu

Dari pada dua contoh di atas didapati metafora dan simili tiada banyak berbezaan. Hanya sesuatu metafora itu akan menjadi simili apabila perkataan seperti ‘seperti’,

‘macam’, dan ‘bagai’ diselitkan dalam metafora. Contoh yang sama dapat kita lihat dalam kiasan bahasa Tamil.

Namun, struktur bahasa Metafora dalam Bahasa Tamil amat berbeza daripada struktur bahasa Melayu dan Inggeris. Ini dapat kita lihat dalam contoh berikut:

Kiasan (Metafora)	Terjemahan
Muga mathi	- bulan ialah wajahnya

Maksud:

Mugam	- wajah(nya)
Mathi	- bulan ialah

Metafora yang terbentuk dalam Bahasa Tamil hanya dapat difahami setelah menyedari maksud yang dibawa oleh struktur bahasa itu sendiri. Dalam contoh di atas, susunan kata yang wujud dalam simili itu diterbalikkan untuk membentuk metafora.

Untuk memahami perbezaan yang terdapat antara simili dan metafora dalam bahasa Tamil, kita harus melihatnya secara perbandingan seperti berikut:

Kiasan (simili)	Terjemahan
i) Mathi mugam	- wajah bulan

Kedua-dua contoh di atas ialah, simili. Walaupun, contoh pertama (i) tidak mengandungi kata bandingan, frasa tersebut masih berfungsi sebagai simili. Manakala dalam contoh (ii) pula, kata bandingan ‘seperti’ digunakan dan jelas memperlihatkan ciri-ciri simili. Ini bererti struktur simili dalam bahasa Tamil boleh berfungsi dengan kata bandingan atau tanpa kata bandingan.

Metafora bukan sahaja perkara yang berkaitan dengan bahasa malah berkait dengan pemikiran. Ini bermakna dalam kehidupan harian manusia menggunakan metafora sebagai satu laluan konvensional untuk memahami dunia. Pemahaman manusia tentang dunia ini dapat dilihat melalui tingkah laku mereka. Beliau merupakan orang pertama yang menunjukkan ciri-ciri metafora dengan analisis linguistik. Pada ketika itu, kajian dalam linguistik dan kognitif baru bermula mengkaji pemahaman sistem metafora dengan sebab, tindakan dan struktur bahasa (Lakoff, 1989).

Menurut Lakoff dan Johnson (1984), ramai orang beranggapan bahawa metafora ialah hasil daripada imaginasi tulisan dan penggunaan bahasa retorikal secara berbunga-bunga. Mereka juga berpendapat bahawa kehidupan seharian kita yang mewujudkan metafora. Pemikiran kita menjadi asas untuk membentuk metafora secara semulajadi. Tambahan lagi, daya imaginasi seseorang yang memainkan peranan penting dalam menghasilkan metafora.

Menurut Keris Mas (1988:150), walaupun metafora terdiri daripada frasa namun ia tidak terikat kepada maksud dua lapis. Maksudnya kita melihat secara keseluruhannya. Tambahan lagi, pembaca dapat memahami metafora tanpa penjelasan yang banyak. Perkataan yang dijadikan sebagai metafora dapat memberikan penjelasan yang secukupnya kepada pembaca. Simpulan bahasa juga dikatakan sebagai salah satu bentuk metafora. Contohnya, buah hati yang maksudnya berdiri dalam struktur sintaksis.

Keris Mas (1988) berpendapat bahawa metafora ialah kiasan yang digunakan untuk menjelaskan konsep yang abstrak dengan menggunakan konsep yang konkret. Idea ialah

satu konsep yang sukar untuk didefinisikan. Oleh itu, kita beralih kepada konsep konkret yang boleh memerihalkan idea tersebut dengan menunjukkan atau membandingkan sifat-sifat yang wujud dalam tumbuhan, makanan, manusia dan sebagainya. Dengan ini, idea yang bersifat abstrak ini dapat diterangkan dengan menggunakan konsep konkret.

Safian (1988), menerangkan bahawa metafora ialah penggunaan kata atau frasa bukan membawa maksud kata dan frasa tersebut semata-mata. Malah, ia membawa maksud yang tersirat. Metafora menyatakan sesuatu yang lain daripada yang sebenarnya berdasarkan persamaan atau perbandingan.

Menurut Muhamad (1988: 29), penggunaan metafora memberikan sentuhan baharu bagi kata ataupun frasa. Metafora juga membawa satu maksud baharu yakni secara tidak langsung. Metafora dikatakan mempunyai nilai estetika yang tinggi ini membawa satu gambaran yang berkesan terhadap sesuatu situasi. Penulis tidak perlu menulis memanjang lebar untuk mentakrifkan sesuatu peristiwa. Adalah memadainya sekadar memberikan metafora. Contohnya, kaki ayam memadai untuk mentakrifkan seseorang yang tidak memakai kasut atau selipar.

Muhamad (1988), berpendapat bahawa penggunaan metafora memberikan ruang kepada pembaca untuk membuat perbandingan secara langsung. Mereka dapat menilai sebab penggunaan metafora tersebut. Pada masa yang sama mereka juga dapat menjelaskan sumber domain dan sumber sasaran. Contohnya, mandi kerbau. Pembaca sedar bahawa kerbau mandi dengan cara berendam dalam air seketika dan keluar dari lumpur sebagai tanda selesai mandi. Ini disamakan dengan seseorang yang mandi dengan cepat. Seterusnya mereka dapat melakukan pemindahan makna secara terus-menerus. Muhamad

menyatakan bahwa pemilihan objek yang mempunyai nilai persamaan maupun perbandingan dalam usaha membentuk metafora penting bagi menghasilkan karya sastra agar menarik.

Menurut Haris & Taylor (1991), konsep metafora yang dikemukakan oleh Aristotle adalah berdasarkan konsep pemberian nama yang dikemukakan oleh Socrates. “*A name is a word which ‘belongs to’ something or someone*” dan menurut Harris & Taylor lagi, definisi ini mengenalpasti metafora “*as the transference of a name to something it does not belong to*”. Dengan ini, kesimpulan dapat dibuat bahawa metafora adalah pemberian nama yang lain kepada sesuatu bandingan.

Keraf (2010:139), menyatakan bahawa metafora adalah perbandingan dua perkara dalam bentuk yang ringkas. Metafora juga dapat diertikan sebagai sifat persamaan yang terdapat pada kedua-dua objek dijadikan kiasan agar maksud dapat disampaikan dengan tepat (Fadaee, 2012). Kesimpulannya, metafora adalah proses membandingkan sesuatu secara tersirat. Penggunaan kata dan frasa lebih tersusun singkat, padat dan rapi.

Wong (2007:64) berpendapat bahawa metafora merujuk kepada makna tersirat yang disampaikan oleh perkataan atau frasa. Pendapat ini disangkal oleh Rahman (1993). Menurut Rahman, metafora merupakan penggunaan kata dan frasa dalam bahasa kiasan yang merujuk kepada ertikata yang sebaliknya. Salah satu ciri metafora adalah tiada penggunaan kata perbandingan. Contohnya, “*dia itu singa*”. Penggunaan *singa* sebagai metafora dalam ayat ini menujukkan dia memiliki perwatakan singa. Singa tidak beganjak apabila berhadapan dengan musuh. Jadi sifat keberanian singa dijadikan metafora.

Ibrahim (2008), berpendapat maksud sesuatu metafora dipindahkan dari benda yang digunakan sebagai metafora kepada benda yang menggunakan sebagai metafora. Contohnya, kebaranian singa dipindahkan maksudnya kepada seseorang yang dimetaforakan sebagai ‘dia singa’. Metafora juga digunakan untuk menggantikan sesuatu perkataan yang mempunyai struktur bahasa yang betul (harifah) kepada bahasa yang berentak (figuratif). Kesamaan yang wujud antara kedua-dua perkataan dijadikan sebagai metafora. Terdapat enam jenis metafora. Antaranya :

- i. Metafora usang – Kiasan yang mudah difahami digunakan dalam karya
- ii. Metafora lapuk – Meniru metafora yang sedia ada tanpa memeriksa kesesuaian penggunaannya
- iii. Metafora ranca – Perbandingan yang bercanggah makna
- iv. Metafora luasan – Pegangan pengarang yang tersebar luas melalui perbandingan
- v. Metafora klise – Peristiwa atau watak dijadikan sesuatu sumber untuk metafora
- vi. Personifikasi – Unsur bukan manusia diberi sifat manusia

Metafora usang tidak digunakan dalam penulisan sastera. Menurut *Kamus Dewan* perkataan usang bermaksud lama terpakai. Merpati putih dirujuk sebagai tanda kedamaian (Ibrahim, 2008). Muka merpati yang jinak dan tenang adalah sesuai dijadikan sebagai metafora untuk kedamaian. Rata-ratanya semua penulis karya sastera menggunakan merpati sebagai metafora bagi merujuk kedamaian. Apabila merpati putih digunakan dalam karya sastera untuk menunjukkan kedamaian, maka ia dianggap sebagai metafora usang kerana sehingga kini karyawan menggunakan merpati untuk merujuk kepada kedamaian. Selain itu, metafora klise pula bermaksud sesuatu peristiwa atau watak dijadikan sesuatu sumber untuk metafora. Contohnya, cerdik sang kancil. Ini merujuk pada watak kancil yang

dikatakan memiliki kepandaian dalam cerita rakyat. Tambah lagi, personifikasi pula bermaksud ciri-ciri kemanusiaan diberikan kepada benda bukan manusia. Contohnya, Sang bulan tersipu malu kala melihat kecantikan parasku. Dalam ayat ini, hanya manusia yang berasa malu dan senyum ketika memandang seseorang. Perbuatan manusia ini dimetaforakan seolah-olah sang bulan yang melakukannya. Metafora berfungsi mewujudkan maksud baru. Di samping memperjelaskan sesuatu yang abstrak, penggunaan objek dalam metafora juga melahirkan satu maksud yang baru.

Ramai pengkaji berpendapat personifikasi juga dikategorikan sebagai sebahagian daripada metafora. Personifikasi atau disebut pengorangan ialah pemberian sifat kemanusiaan kepada benda bukan manusia (Md Nor, 2011). Personifikasi juga dikatakan sebahagian daripada metafora (Keraf, 2000). Menurut beliau, personifikasi ialah sejenis gaya bahasa yang menggambarkan benda-benda mati atau barang-barang yang tidak bernyawa, seolah-olah memiliki sifat-sifat kemanusiaan. Personifikasi dianggap sebagai metafora kerana bertindak menggerakkan benda bukan manusia. Oleh kerana benda bukan manusia berbicara, maka ia dianggap sebagai metafora.

Penggunaan personifikasi bukan sahaja dapat memperjelas dan memudahkan pemahaman mesej sesebuah karya sastera malah memberikan kepuisan dalam penghasilan karya sastera. Secara tidak langsung personifikasi mengumpamakan benda mati kepada benda hidup. (Md Nor et.al., 2011). Contohnya, ombak mencium bibir pantai. Kita memberi sifat manusia kepada ombak. Keris Mas mengklasifikasikan personifikasi ini sebagai ‘kiasan permanusiaan’ (1990).

Personifikasi merupakan bentuk yang paling mudah untuk dibentuk. Penggunaan kata ganti nama ketiga digunakan untuk merujuk kepada manusia. Selain itu, karyawan sering menggunakan perbuatan manusia untuk dimetaforakan dengan benda bukan manusia (Rahman,1993). Misalnya, dalam contoh ‘*langit sedang menangis*’ kita dapat melihat kebenaran ini. Menangis merupakan perbuatan yang dilakukan oleh manusia tetapi perlakuan itu dikaitkan kepada langit. Metafora ini menunjukkan bahawa hari sedang hujan. Perbuatan memeluk dan meminta adalah dua perkara yang lazimnya dilakukan oleh manusia. Kata kerja ini dipinjam untuk membentuk personifikasi. Apabila pembaca dapat memahami maksud yang disampaikan melalui personifikasi ini, maka penulisannya mencapai matlamatnya.

2.2 Metafora dari Perspektif Bahasa Tamil

Dalam konteks bahasa Tamil, simili dan metafora mempunyai perhubungan yang erat (Rajagopalachariyar. 1963). Metafora tidak menggunakan kata perbandingan. Aspek yang dibandingkan sudah tersedia ada pada objek yang dijadikan sebagai metafora. Manakala, simili menggunakan kata perbandingan. Contohnya,

Simili

Contoh: கயல்போன்ற விழி
Mata bagai ikan (terjemahan terus)

Metafora

Contoh: கயல்விழி
Mata ikan (terjemahan terus)

Cuburetiyar (1988: 241), menjelaskan bahawa penggunaan metafora dapat mengindahkan sesuatu karya sastera. Penggunaannya memberikan kepuisan pada karya tersebut. Ia juga dapat menambat hati pembaca. Kesimpulannya, penggunaan metafora

dalam karya sastera seperti cerpen, puisi, sajak, novel mempunyai peranan yang begitu tinggi nilainya.

Kailasapathy (1970:52), membuat perbandingan antara simili dengan metafora bagi memberikan maksud metafora. Persamaan yang wujud anatara dua objek dapat dibandingkan dengan mudah. Ia dikatakan sebagai simili. Manakala, metafora akan mengaitkan dua objek yang berbeza menjadi satu benda. Dari segi maksudnya pula, metafora sentiasa membawa maksud tersirat serta lebih kompleks berbanding simili. Konklusinya, metafora lahir daripada perasaan dan pemikiran minda. Tambahnya lagi, simili dan metafora mempunyai peranan dan hala tuju yang berbeza dalam penyampaian maksud dan tema sesebuah novel. Penggunaan kedua-dua elemen sastera ini memperkayakan penulisan sastera. Ia memberikan pemangkin kepada pembaca untuk mendalami dan menghayati sesebuah hasil penulisan. Penggunaan metafora dapat menyampaikan makna dengan mudah dan ringkas. Metafora berperanan menyampaikan sesuatu yang kompleks kepada mudah.

Kewujudan metafora tidak boleh dipisahkan daripada aspek pemindahan maksud. Ada kalanya konsep penggantian juga memainkan peranan penting untuk menghasilkan metafora. Selain ini, aspek perbandingan dan maksud tersirat juga penting. Ringkasnya, metafora:

1. Mempunyai perbandingan analogi.
2. Sifat persamaan dan perbandingan dijadikan sumber untuk melahirkan metafora.
3. Sifat hampir sama juga dipindahkan menjadi metafora.
4. Maksud yang disampaikan adalah secara tersirat.

2.3 Teori Metafora Konseptual (Lakoff dan Johnson, 1984)

Daripada pakar-pakar bahasa yang lain, Lakoff dan Johnson telah mengenal pasti bahawa metafora telah mempengaruhi tindakan dan tingkah laku dalam penggunaan bahasa harian. Dalam buku berjudul “*Metaphors We Live By*” Lakoff & Johnson (1984) telah memperkenalkan teori metafora konseptual dalam memahami pemikiran manusia. Menurut teori ini, metafora bukan sahaja alat retorik malah alat kognitif yang menerangkan realiti. Ini bermakna metafora bukan lagi konsep yang digunakan untuk meluahkan idea yang kompleks dengan bahasa tetapi metafora merangkumi konsep, pemikiran dan pemahaman. Lakoff dan Johnson (1984) telah memperkenalkan proses pemetaan antara satu benda dengan satu benda yang lain atau satu benda dengan banyak benda yang mempunyai persamaan. Pemetaan konseptual metafora wujud apabila melihat kaitan antara sumber domain (*source domain*) dan sumber sasaran (*target domain*) (Lakoff, 1984). Teori metafora konseptual yang telah diperkenalkan oleh Lakoff dan Johnson telah membuka ruang kepada pengkaji-pengkaji lain untuk memperkembangkan kajian metafora dalam bidang-bidang lain seperti retorik, linguistik, psikologi, kognitif dan bahasa. Teori metafora konseptual Lakoff dan Johnson (1984) dibahagikan kepada 3 jenis iaitu metafora struktural, metafora orientasi dan metafora ontologi.

2.3.1 Metafora Struktural

Menurut Richards (1967), manusia tidak boleh bertutur tanpa menggunakan metafora dalam kehidupan harian (Lee, 2001). Pada asasnya, konsep ini wujud daripada korelasi dalam pengalaman sehari-hari manusia di mana konsepnya disusun secara sistematik (Lakoff & Johnson, 1984). Salah satu konsep yang menerangkan metafora struktural ialah

konsep *Argument is War*. Ungkapan metaforik sering kali wujud dalam perbualan bersifat perselisihan faham antara 2 orang.

Contohnya :

“ Kamu mempunyai beribu **strategi** untuk **menyerang** pendapatku,
sehingga saya tidak pernah **menang** ” (diterjemahkan)

(Lakoff & Johnson, 1984:454)

Dalam contoh ini, perkataan-perkataan seperti strategi, menyerang dan menang biasanya digunakan dalam situasi peperangan. Kata-kata ini dipinjam dari konsep peperangan dan dimasukkan dalam konsep perdebatan. Proses dalam perdebatan ini mempunyai kesamaan makna dengan konsep peperangan iaitu konsep kalah dan menang. (Lakoff & Johnson, 1984:454)

Metafora struktural merupakan satu konsep dari suatu hal yang distrukturkan secara metaforik dalam hal yang lain (Lakoff & Johnson, 1984). Metafora struktural melihat persamaan yang wujud antara objek abstrak dan objek konkret yang dibentuk menggunakan konsep lain berdasarkan SD dan TD (Kovecses, 2002). *Vehicle* atau Source Domain (SD) bermakna kata-kata kiasan itu sendiri. Manakala, Ground (G) atau Sense (konteks) merupakan hubungan antara *Tenor* atau *Target Domain* (TD iaitu sumber Sasaran - SS) dan *Vehicle* atau Source Domain (SD iaitu sumber domain). Melalui pembahagian elemen ini, konsep metafora mewujudkan hubungan antara objek metafora dan menghasilkan makna melalui pemahaman mengenai objek lain.

2.3.2 Metafora Orientasi

Metafora orientasi merupakan satu sistem konseptual yang berkait rapat dengan kesedaran tempat atau ruang seperti atas-bawah, luar-dalam, depan-belakang, buka-tutup, tengah-sisi, dalam-cetek, pusat-pinggiran dan lain-lain lagi. Metafora berorientasi ini

bersifat tidak arbitri iaitu tidak sewenang-wenangnya. Situasi dan konsep metafora orientasi ini berasaskan pengalaman asas kukuh yang menonjolkan aspek fizikal, personal serta kebudayaan. Pandangan melalui orientasi ruang pada budaya tertentu perlu dilihat kerana pengalaman budaya antara satu budaya dengan budaya lain mesti mempunyai perbezaan (Lakoff & Johnson, 1984). Salah satu contoh metafora orientasi ialah perasaan gembira '*Happy is up*'. Sebaliknya, perasaan sedih diluahkan melalui metafora '*Sad is down*'. Apabila seseorang berada dalam kesedihan, mereka akan tunduk kepala dan badan dan kelihatan muram, manakala bagi meluahkan perasaan gembira pula orang itu akan menegakkan kepala dan badan. Penggunaan metafora orientasi bukan sahaja terhad pada konsep atas-bawah, malah juga disusun pada konsep dua kutub (bipolar) dan dua nilai (bivalent). Luahan perasaan gembira dan sedih juga dikaitkan dengan konsep metafora orientasi atas-bawah iaitu, *Happy is wide, sad is narrow* (Kovecses, 2002). Antara contoh lain metafora orientasi adalah seperti berikut:-

You're in high spirits.
“Kamu sedang bersemangat.”

My spirits sank.
“Semangatku tenggelam.”

(Lakoff & Johnson, 1984:462)

2.3.3 Metafora Ontologi

Metafora jenis ontologi ini menerangkan dan melambangkan objek-objek fizikal yang memberikan input harian kita sebagai pengalaman harian kehidupan kita untuk memahami sesuatu perkara. Tambahan pula, ia melengkapi cara untuk menghayati sesuatu perkara, perbuatan, emosi dan pemikiran yang berhubung dengan entiti dan bahan-bahan. Pemahaman melalui pengalaman ini membolehkan kita memahami sesuatu konsep dengan mengaitkan pengalaman hidup dengan konsep yang ingin disampaikan dengan mudah. Melaluinya kita boleh mengenal pasti asal-usul dan aktiviti kehidupan seharian kita.

Pengalaman dalam hidup dapat dirujuk untuk membuat pertimbangan yang wajar tentang sesuatu konsep dengan betul. Contohnya, *Inflation is an entity*.

Menurut Lakoff dan Johnson (2003:26), satu entiti membolehkan kita untuk merujuk kepada sesuatu hal, menghitung jumlah, mengenal pasti aspek khusus pada hal tersebut, mengenal pasti penyebab atau alasan serta menentukan tujuan dan mendorong tindakan. Penerangan ini diperlukan untuk memahami suatu pengalaman secara rasional. Pengecaman ini diperlukan untuk memahami satu pengalaman yang rasional.

Terdapat 2 jenis pengecaman lain yang menunjukkan metafora ontologi, iaitu metafora bekas dan metafora personifikasi. Metafora bekas merupakan salah satu bahagian dari metafora ontologi. Metafora bekas ini melihat satu entiti seperti bekas yang memiliki ruang untuk mengisi dan mengeluarkan sesuatu (Lakoff & Johnson, 1984). Contohnya, *Aku menjaga cintamu dalam hatiku*. Manakala, metafora personifikasi pula merupakan satu konsep di mana benda bukan hidup, benda abstrak mahupun konkret diberi sifat manusia dalam segala aspek. Kovecses (2002) merupakan ahli bahasa yang mengembangkan teori metafora yang dipelopori oleh Lakoff & Johnson (1984). Dalam buku berjudul “*Metaphore : A Practical Introduction*”, Kovecses (2002) telah mengemukakan beberapa sumber domain (SD) yang biasanya digunakan dalam pembentukan metafora. Kovecses (2002) membahagikan sumber domain (SD) kepada beberapa kategori.

Antaranya, 1) makhluk hidup, 2) benda hidup, 3) aktiviti manusia dan 4) fenomena alam. Kategori makhluk hidup dibahagikan kepada beberapa jenis sumber domain (SD) iaitu tubuh manusia, haiwan, tumbuhan dan kesihatan serta penyakit. Kategori benda bukan

hidup pula dibahagikan kepada beberapa jenis sumber domain (SD) lain seperti pembinaan dan bangunan, mesin dan peralatan serta wang dan urusniaga ekonomi. Jenis-jenis sumber domain (SD) kategori aktiviti manusia pula dibahagikan kepada permainan dan olahraga serta kegiatan memasak dan makan. Fenomena alam dikaitkan dengan sumber domain (SD) seperti panas dan dingin, cahaya dan kegelapan, kekuatan diri (moral) serta gerakan dan arah.

Seterusnya, Kovecses (2002) juga menerangkan beberapa aspek yang digunakan sebagai *target domain* (TD) (sumber Sasaran) (SS) dalam pembentukan metafora. Aspek-aspek umum yang dijadikan metafora ialah emosi, nafsu, pemikiran, hubungan manusia, kehidupan dan kematian, waktu dan komunikasi. *Target domain* (TD iaitu sumber Sasaran - SS) agama pula dikaitkan dengan konsep ketuhanan. Manusia sering memanggil Tuhan dengan kata ganti nama Dia. Dalam kalangan masyarakat Kristian, Tuhan dipanggil dengan kata nama Bapa, Gembala dan Raja.

Selain itu, terdapat juga *target domain* (TD iaitu sumber Sasaran - SS) berupa masyarakat dan negara, politik, ekonomi serta peristiwa. Dalam menganalisis jenis-jenis metafora dalam sesuatu ayat, konsep sumber domain (SD) dan *target domain* (TD) menjadi acuan. Konsep *vehicle* (sumber domain - SD) dan *tenor* (sumber Sasaran - SS) ini sama juga dengan teori metafora yang dikemukakan oleh ahli-ahli linguistik yang lain dalam kajian mereka.

2.4 Kajian Lepas

Selvi (2018), telah menjalankan kajian terhadap lirik lagu-lagu tempatan telah mengkaji unsur metafora dan simili yang terdapat dalam lirik-lirik lagu tempatan. Kajiannya berfokus pada jenis-jenis metafora digunakan dalam lagu-lagu tersebut. Selain itu, kajian juga memfokuskan sebab penggunaan metafora dan simili dalam lagu-lagu tersebut. Dapatan kajian pula menunjukkan bahasa Tamil menjadi pilihan utama dalam penulisan lagu tempatan. Tambah lagi, penggunaan metafora dan simili secara sengaja atau terancang berlaku dalam lagu-lagu ini.

Kajian yang dijalankan oleh Shamalah (2017), juga menekankan penggunaan metafora dalam *muthurai*. Kajian berfokus pada pemetaan fikiran mahasiswa terhadap maksud metafora yang terdapat dalam *muthurai*. Dapatan kajian dianalisis mengikut teori Lakoff dan Johnson (1980). Kajian yang memfokuskan 17 *muthurai* mendapati kesemua *muthurai* mempunyai metafora. Tambahan lagi terdapat metafora ontologi dan orientasi digunakan dalam *muthurai*.

Zheng (2015) telah menggunakan teori konseptual metafora Lakoff dan Johnson (1980), untuk menunjukkan makna bagi warna merah dan putih dalam kalangan masyarakat Cina. Objektif utama kajiannya adalah untuk melihat makna secara lisan dan metafora bagi warna merah dan putih dengan menggunakan teori metafora linguistik Lakoff dan Johnson (1980). Kajian bersifat kualitatif ini, menggunakan dua buah kamus Bahasa Cina iaitu *Xz* “*Xinhua Dictionary*” dan XHC “*The Contemporary Chinese Dictionary*” serta akhbar harian China iaitu “*China Daily*” sebagai sampel dalam kajian ini. Dalam kajian ini, beliau telah mengenal pasti makna metafora bagi warna merah dan putih. Warna merah dan putih

digunakan untuk merujuk konsep-konsep seperti emosi, sosial, politik dan ekonomi. Antara benda yang digunakan untuk merujuk warna-warna ini adalah seperti susu, itik, kain sutera, kasut, kayu, bunga, darah dan lain-lain lagi. Pemetaan tentang warna ini dilakukan dengan merujuk kepada sifat dan ciri-ciri benda-benda tersebut. Beliau juga menerangkan konsep metafora warna dengan merujuk kepada sumber domain (source domain) dan sumber Sasaran (target domain) yang telah diterangkan oleh Lakoff dan Johnson (1980), dalam teori mereka.

Nurul (2015), dalam kajiannya berjudul “*Penterjemahan Metafora Bahasa Melayu ke Bahasa Sepanyol melalui Bahasa Inggeris*” telah mengkaji penterjemahan metafora dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan*. Objektif utama kajian ini adalah untuk meneliti strategi-strategi penterjemahan yang digunakan dalam penghasilan makna metafora. Di samping itu, pengkaji telah mencari unsur metafora bagi konsep ‘Kemiskinan’ menggunakan Teori Metafora Konseptual Lakoff dan Johnson (1980), dalam kajian ini. Sebanyak 66 sampel telah dianalisis untuk mencapai objektif kajian ini. Dapatkan kajian menunjukkan metafora personifikasi paling banyak digunakan untuk menerangkan konsep kemiskinan. Pengkaji kajian ini telah membuat pemetaan untuk konsep kemiskinan iaitu ‘kemiskinan sebagai ujian’, ‘kemiskinan sebagai cermin hidup’, ‘kemiskinan sebagai kesedaran’, ‘kemiskinan sebagai rahmat’, ‘kemiskinan itu keindahan’, ‘kemiskinan itu kenikmatan’ dan ‘kemiskinan menjadi dorongan’. Benda-benda dan kejadian alam seperti hati yang sebak, pokok, banjir dan sebagainya digunakan untuk menerangkan konsep kemiskinan.

Ruzanna dan Rozaimah (2014), dalam kajian berjudul “*Skema Imej dan Metafora Konsepsi dalam Skrip Teater Wangi Jadi Saksi*” telah meneliti maksud tersirat metafora konseptual yang terdapat dalam “*Skrip Teater Wangi Jadi Saksi*”. Pengkaji menganalisis data kajian dengan teori semantik kognitif yang melibatkan skema imej Johnson dan metafora konseptual Lakoff dan Johnson (1980). Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat 3 jenis metafora konseptual iaitu ontologi, orientasi dan struktural dan 10 jenis skema imej wujud dalam “*Skrip Teater Wangi Jadi Saksi*”. Antara jenis metafora konseptual yang paling banyak terdapat dalam skrip ini ialah metafora ontologi yang menerangkan benda-benda yang abstrak seperti emosi, idea dan kejadian persekitaran. Jenis metafora ini sangat penting dalam penghasilan skrip teater yang lebih memerlukan perasaan. Antara perasaan yang telah dikenal pasti dalam skrip ini ialah marah, kasih, malu, dendam, sedih dan benci. Pemetaan bagi emosi-emosi ini adalah seperti ‘marah adalah api’, ‘kasih adalah ikatan’, ‘rindu adalah bekas’, ‘malu adalah kotor’ dan sebagainya. Manakala, metafora orientasi yang terdapat dalam skrip ini dapat dilihat dengan pembahagian antara tatatingkat golongan yang perintah diletakkan di atas dan diperintah pula diletakkan di bawah.

Nurul dan Sabariah (2014), dalam kajian berjudul “*Cat Metaphors in Malay and English Proverbs*” telah mengkaji penggunaan metafora haiwan iaitu kucing dalam peribahasa Melayu dan Inggeris. Mereka telah menggunakan Teori Metafora Lakoff dan Turner (1989), yang menyatakan kucing bersifat tidak tetap pendirian dan berdikari. Pengkaji ingin melihat kebenaran pernyataan ini dengan merujuk peribahasa Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu yang berkaitan dengan kucing. Objektif utama kajian ini adalah meneliti persamaan dan perbezaan maksud yang wujud dalam peribahasa Melayu

dan Inggeris yang menggunakan kucing sebagai metafora. Daripada 28 peribahasa iaitu 15 peribahasa Bahasa Inggeris dan 13 peribahasa Bahasa Melayu yang dianalisis, pengkaji telah mengenal pasti beberapa persamaan dan perbezaan makna untuk metafora kucing dalam peribahasa Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu.

Dalam kedua-dua bahasa ini, kucing dianggap sebagai berwibawa, bahaya dan tidak boleh dipercayai. Manakala, perbezaan makna yang wujud dalam Bahasa Inggeris ialah kucing dianggap sebagai pengecut, tidak berguna dan malas. Dalam Bahasa Melayu pula kucing dianggap sebagai mengambil kesempatan, cuai dan tidak malu. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat persamaan dan perbezaan dalam pentafsiran makna metafora kucing dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Apabila mengaitkan dapatan kajian dengan teori Lakoff dan Turner (1989), pentafsiran makna untuk kucing memang tidak sama dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Perbezaan yang wujud dalam memahami makna sesuatu benda yang dijadikan metafora bergantung kepada faktor sosial dan budaya sesuatu kaum.

Delbaere (2013:April) dalam kajiannya berjudul *Metaphors and Myths in Pharmaceutical Advertising* telah mengkaji metafora yang digunakan untuk merujuk ubat dan penyakit. Beliau telah menggunakan kerangka teori konseptual metafora Lakoff dan Johnson (1980). Walau bagaimanapun, beliau telah membuat suatu pemetaan yang baharu tentang ubat dan penyakit dengan menganalisis data kajian-kajian lepas. Pemetaan tersebut telah digunakan untuk melihat persamaan dan perbezaan yang wujud dalam data kajiannya. Dalam menjalankan kajian ini, beliau telah memilih 2 buah majalah kesihatan pengguna, 5 buah jurnal yang ditulis oleh doktor dan ulasan pengguna (pesakit) dalam laman web

“www.askapatient.com”. Hasil kajian telah menunjukkan persamaan antara konsep ubat dan penyakit yang dibina oleh pengguna dan doktor. Namun begitu, terdapat juga pemetaan yang berbeza bagi sesetengah konsep seperti *Medicine is Magic*. Terdapat juga pemetaan yang positif dan juga negatif bagi konsep ini. Menurut pandangan pesakit yang sembah melalui ubat menganggap ubat itu sebagai sihir yang telah menghilangkan penyakit. Manakala, pesakit yang hidup merana dengan kesan ubat yang dimakan pula mentaksir ubat sebagai sihir. Pemahaman tentang sesuatu metafora dan konsepnya akan ditentukan oleh konteks dan pengalaman hidup manusia.

Mashak (2012) dalam kajiannya bertajuk “*A Comparative Study on Basic Emotion Conceptual Metaphors in English & Persian Literary Texts*” menggunakan Teori Linguistik Metafora Emosi Kovecses (2002), dan juga Lakoff & Johnson (1980). Dalam menjalankan kajian ini, beliau telah memilih 782 metafora yang berkaitan dengan emosi dari artikel, karya sastera dan kamus. Kajian ini memfokuskan kepada 2 objektif utama, yang pertama mengkategorikan emosi kepada metafora emosi di bawah sumber dan sasaran (Lakoff & Johnson, 1980) manakala objektif yang kedua pula, metafora emosi dibandingkan dengan maksud konseptual dan literasi. Antara emosi-emosi yang telah dibincangkan dalam kajian ini ialah kemarahan, kegembiraan, kesedihan, ketakutan dan percintaan. Pembahagian antara emosi yang positif dan negatif dalam kajian ini diterangkan dengan kerangka teori metafora orientasi Lakoff dan Johnson iaitu *Happiness is up ; Sadness is down*. Metafora yang digunakan untuk menunjukkan emosi-emosi ini dapat dilihat melalui penggunaan kata-kata dalam kedua-dua bahasa ini. Contohnya, bagi menerangkan emosi kegembiraan perbuatan haiwan yang berkокok dan berkicau dijadikan metafora. Manakala, emosi kemarahan pula diterangkan dengan kata-kata seperti ‘didih’

dan ‘pecah’. Daripada 782 metafora emosi yang dikaji dalam kedua-dua bahasa, metafora yang melambangkan emosi dalam kedua-dua bahasa ini lebih kurang sama iaitu sebanyak 51% sama, 47% lebih kurang sama dan 2% berbeza. (Mashak, 2012).

Liew (2010) telah membuat kajian bertajuk *Kajian Metafora dalam Puisi Tradisional Bahasa Cina*. Antara persoalan kajian adalah menganalisis jenis-jenis metafora dan faktor-faktor leksikal yang digunakan dalam puisi tradisional bahasa Cina. Beliau telah mengkaji 122 item leksikal metafora secara kuantitatif daripada 30 buah puisi tradisional Bahasa Cina berunsur falsafah yang ditulis pada zaman Dinasti Tang dan Song. Beliau telah membandingkan maksud denotasi dan metafora dalam kajiannya. Liew (2010) juga mengkategorikan metafora mengikut 3 jenis iaitu berdasarkan sintagmatik, imej dan konsep.

Semua faktor yang melibatkan kehidupan manusia dijadikan komponen penting perbincangan kajian ini. Dalam kajian ini, beliau menyatakan benda-benda yang dijadikan metafora dalam puisi klasik Bahasa Cina untuk menerangkan nilai-nilai murni yang ada pada manusia. Unsur-unsur dalam flora dan fauna yang mempunyai nilai yang tinggi dalam kalangan masyarakat Cina seperti bunga laurel, reriang, embun, bunga orkid dan emas dijadikan metafora kepada nilai-nilai murni seperti amanah, jujur, bersih, suci dan menghargai masa. Manakala, benda-benda seperti ikan jeruk yang mempunyai nilai sosial yang rendah pula dikaitkan dengan nilai-nilai negatif yang ada dalam diri manusia seperti tidak amanah. Pembahagian nilai-nilai positif dan negatif dalam kajian ini adalah berdasarkan Teori Metafora Konseptual Lakoff dan Johnson (1980) iaitu metafora orientasi ruang. Nilai-nilai positif dikaitkan dengan konsep orientasi ruang atas, manakala nilai-nilai

negatif dikaitkan dengan konsep orientasi ruang bawah. Terdapat juga pengklasifikasian sifat objek mengikut metafora ontologi dalam kajian ini.

Ang (2006) menjalankan kajiannya tentang penggunaan metafora dalam mesej pesanan ringkas (SMS), dalam kalangan remaja Cina. Dapatan kajian ini menunjukkan bentuk leksikal yang mengandungi metafora digunakan semasa menghantar mesej adalah untuk menyampaikan pesanan secara ringkas dan padat. Remaja Cina menggunakan unsur metafora ini kerana tulisan bahasa Cina yang bersifat piktograf adalah sukar untuk dijadikan kata singkatan seperti dalam bahasa Inggeris. Beliau membahagikan metafora mengikut domain percintaan, persahabatan, tanya khabar, ucapan selamat tinggal dan motivasi. Contohnya, bagi merujuk pada persahabatan, benda-benda seperti mata wang, laut dan air dijadikan metafora. Manakala, bagi cinta pula benda-benda seperti cermin, air dan bunga dijadikan metafora. Pemilihan benda-benda ini adalah berdasarkan kepada ciri-ciri benda itu yang memudahkan pembaca mesej mengaitkannya dengan maksud yang ingin disampaikan oleh penghantar mesej. Contohnya, penggunaan unsur air yang dituang merujuk kepada kejadian menyakitkan hati orang yang disayangi. Kata-kata yang melukakan hati kekasih adalah sebagai air yang dituang. Item leksikal seperti ini telah dikenal pasti dalam penghantaran mesej.

Metafora personifikasi dalam laras bahasa iklan cetak telah menjadi tajuk perbincangan Lwi (2004) yang meletakkan 3 persoalan untuk menganalisis sampel kajian ini. Beliau telah meneliti unsur dan kepentingan personifikasi dalam bahasa iklan cetak barang elektronik. Dalam menganalisis data kajian ini, pengkaji telah menggunakan teori metafora yang dikemukakan oleh Nilsen, D.L.F. dan Pace (1978). Nilsen, D.L.F. dan Pace

(1978) telah membahagikan metafora kepada 5 jenis iaitu, *deification*, *personification*, *animalification*, *plantification* dan *reification*. Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji hanya memberi fokus kepada metafora jenis personifikasi sahaja. Daripada 90 buah sampel iklan barang elektrik yang dipilih daripada akhbar *Star* bulan Oktober dan November 2003, 40 buah iklan yang unik dan mengandungi metafora personifikasi sahaja telah dianalisis untuk menjawab persoalan kajian ini. Dapatan kajiannya menerangkan unsur personifikasi paling banyak terdapat dalam laras bahasa iklan untuk merujuk barang-barang elektrik. Sifat dan perlakuan manusia seperti bercakap, berjalan, ketawa, bekerja, berani, semangat, inspirasi, cepat, pintar dan sebagainya telah dijadikan personifikasi untuk merujuk barang elektrik. Dalam iklan-iklan ini barang elektrik seperti penghawa dingin, kamera-video, alat pemanas air, telefon bimbit dan komputer serta jenama-jenama barang elektrik umpama *Sharp*, *Acer*, *Samsung*, *Yamaha*, *Toshiba* dan sebagainya telah diberi sifat manusia. Contohnya, iklan tentang sebuah alat pemanas air yang mengatakan jenamanya ketua kepada semua jenama lain di dunia ini. Dalam iklan ini, alat elektrik itu telah diberi sifat manusia iaitu, ketua. Penggunaan unsur personifikasi dalam iklan-iklan ini telah memberi kesan positif kepada pengguna untuk membeli sesuatu produk.

Kebijaksanaan masyarakat Melayu menjadikan anggota badan sebagai lambang dalam menyampaikan mesej telah dibuktikan oleh Patrina (2004), dalam kajiannya bertajuk “*Bahasa Kiasan Dalam Komponen Kesusasteraan Melayu (KOMSAS) satu kajian semantik*”. Teks Antologi Kesusasteraan Melayu Tingkatan 1 hingga 4 telah dijadikan sampel kajian untuk melihat penggunaan bahasa kiasan dalam teks-teks itu. Kajian ini dihadkan dengan meneliti bahasa kiasan yang merujuk unsur anggota tubuh badan manusia sahaja. Kajian ini menjelaskan bahasa kiasan wujud berdasarkan hubungan dan pandangan

manusia tentang benda-benda di sekeliling mereka. Lakoff dan Johnson (1980), mengemukakan pandangan bahawa peribahasa juga mengandungi ciri-ciri metafora. Namun begitu, Patrina (2004), telah memisahkan metafora dan peribahasa kepada dua konsep yang berlainan. Anggota badan seperti muka, telinga, mata, hidung, lidah, hati, dada dan perut telah dikenal pasti sebagai metafora yang digunakan untuk merujuk ciri-ciri benda dan sifat manusia.

Kajian tentang kewujudan metafora dan simili dalam lirik lagu bahasa Melayu telah dijalankan oleh Johari (2004). Beliau menganalisis bahasa perbandingan yang digunakan di sebalik baris-baris lirik lagu Siti Nurhaliza. Makna-makna sebenar yang terkandung dalam lirik-lirik lagu itu juga turut dikaji. Mesej yang terserlah dalam kajian ini secara tidak langsung menghubungkaitkan maksud setiap daksi dengan maksud kamus dan maksud yang tersirat. Hasil dapatan kajian ini memperkasakan bahasa kiasan yang terdapat dalam kalangan orang Melayu yang termaktub dalam lagu Melayu.

Sakina (2000), meneliti penggunaan metafora dalam Bahasa Melayu dengan menganalisis cerpen dari dua naskah surat khabar utama iaitu *Berita Minggu* dan *Mingguan Malaysia* Januari hingga Disember 1996. Tujuan kajian ini adalah bagi mencari unsur metafora yang terdapat dalam bahasa Melayu. Dalam kajian ini, Sakina (2000), berjaya menunjukkan dua medan unsur metafora yang wujud dalam bahasa Melayu iaitu manusia dan alam. Beliau membahagikan medan sumber manusia kepada 2 elemen iaitu yang pertama pembahagian anggota badan dari kepala hingga ke kaki dan yang kedua ialah perlakuan manusia seperti berfikir, menerima, menyapa, mamah, menelan, meluahkan,

jenguk, cuit dan sebagainya. Manakala, unsur-unsur alam seperti air, api, tanah, tumbuhan dan haiwan telah dikategorikan di bawah medan sumber alam.

Tambahan pula, beliau menganalisis struktur dan ciri-ciri metafora yang dikemukakan oleh pakar-pakar dalam bidang metafora, iaitu komponan sasaran dan sumber, perhubungan budaya dan bahasa serta sistem konsep penggunaan metafora. Hasil kajiannya juga membuktikan metafora yang digunakan dalam sesuatu karya menunjukkan sistem konsep penutur yang merangkumi budaya.

Dapatan kajian ini juga menyatakan rasa, warna, kegadisan, barang kemas dan tumbuhan telah dijadikan sumber metafora untuk menerangkan sumber sasaran seperti cinta, perkahwinan, hati dan agama. Sakina (2000), telah membuat beberapa pemetaan baharu dengan sumber metafora alam dan manusia menggunakan teori Lakoff dan Johnson (1980). Antara pemetaan tersebut ialah cinta sebagai tumbuhan, cinta sebagai air, hati sebagai manusia, hati sebagai objek, agama adalah perlu, dosa adalah kekotoran, emas adalah berharga dan sebagainya.

Sarjana-sarjana bahasa dan para cendekiawan yang terkenal telah menjalankan banyak kajian berkaitan keindahan bahasa. . Kajian tentang keindahan bahasa dalam kesusasteraan oleh Muhammad (2000), mengkaji genre puisi. Dapatan kajiannya menyatakan bahawa keindahan puisi adalah aspek penting dalam penulisan karya sastera.

Salmah (1999) telah menjalankan kajian terhadap penggunaan bahasa kiasan dalam pantun Melayu. Beliau mendapat penggunaan bahasa kiasan adalah penting dan tidak boleh diasingkan sama sekali dalam penulisan pantun. Ini dapat dilihat dengan jelas dalam kajian beliau. Persoalan utama kajian beliau adalah mengkaji keindahan bahasa kiasan

dalam pantun Melayu. Kajian ini memfokuskan pemetaan pemikiran masyarakat Melayu. Selain itu, mengenalpasti bentuk bahasa kiasan dalam pantun Melayu juga adalah antara persoalan kajian beliau. Beliau telah melihat impak pantun dalam kehidupan harian masyarakat Melayu. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa penggunaan bahasa kiasan dalam kalangan masyarakat Melayu tidak boleh dipisahkan sama sekali. Setiap bentuk ini diberi contoh-contoh yang relevan dari pantun. Penggunaan bahasa yang indah menjadikan pantun lebih menarik. Beliau juga membincangkan pemikiran masyarakat Melayu yang disampaikan melalui pantun – pantun tersebut.

Kajian tentang penglihatan orang Melayu dalam peribahasa metafora dijalankan oleh Alias (1999). Objektif kajiannya untuk menentukan unsur keindahan bahasa dalam pembinaan metafora. Pencipta peribahasa Melayu menggunakan pelbagai unsur lambang untuk memperkayakan bahasa. Beliau berpendapat penggunaan lambang dalam peribahasa memudahkan seseorang memahami maksud yang disampaikan oleh metafora tersebut. Alias (1999), berpendapat lambang berfungsi untuk menyampaikan maksud lain daripada makna literasinya. Setiap lambang yang digunakan mempunyai maksud tersirat mengikut konteks penggunaannya. Penggunaan lambang dalam penghasilan metafora menambah nilai kepada bahasa Melayu itu sendiri.

Thilagai (2002) telah menjalankan kajian ilmiah terhadap puisi-puisi Tamil tempatan yang moden tahun 80-an. Kajiannya memfokus pada penggunaan metafora dan pemilihan kata yang tepat. Kajiannya mendapati penyair-penyair tempatan lebih gemar menulis pantun berkaitan keibuan, patriotik, cinta dan masa depan masyarakat India. Beliau membincangkan ketepatan pemilihan diksi berbanding tema puisi-puisi tersebut.

Penggunaan lambang sebagai metafora juga dikaji dalam kajian ini. Beliau menyimpulkan bahawa keindahan bahasa memainkan peranan penting dalam menghasilkan pantun yang menarik. Unsur metafora juga penting dalam menyampaikan masej dengan mudah.

Tajuk latihan ilmiah Sutha (2001) adalah kajian unsur-unsur simili dalam karya klasik Tirukkural. Tirukkural merupakan khazanah Tamil yang ditulis oleh Tiruvalluvar. Ia mengandungi 1330 kuplet Tamil yang perlu dijadikan pedoman dalam kehidupan setiap individu. Walaupun ia ditulis dalam bahasa Tamil, mesejnya adalah untuk masyarakat sejagat. Kajiannya bertumpu pada perumpamaan dan metafora serta personifikasi yang terdapat dalam Tirukkural. Beliau mendapati, penggunaan metafora, personifikasi dan simili tiada tolok bandingnya. Penggunaan unsur-unsur ini memudahkan dalam penyampaian maksud yang ingin disampaikan oleh Tiruvalluvar.

Franzisca (2010) telah menjalankan satu kajian mengenai penggunaan gaya bahasa dalam karya sastera khususnya novel bertajuk ‘Sang Pemimpi’ dengan menggunakan kaedah deskriptif. Berdasarkan analisis, dikenalpasti dua belas jenis penggunaan gaya bahasa kiasan iaitu simili, metafora, personifikasi, alusio, eponim, epitet, sinekdoke, metonimia, antonomasia, ironi (meliputi sinisme dan sarkasme), hipalase, dan satire". Dari 446 data yang diperoleh, gaya bahasa kiasan yang paling banyak ditemukan adalah simili berjumlah 181, sedangkan lainnya metafora berjumlah 105, personifikasi 40 data, metonimia 23 data, epitet 25 data, ironi 11 data (meliputi sinisme 7 data dan sarkasme 5 data), hipalase 6 data, eponim 4 data, antonomasia 10 data, alusi 13 data, sinekdoke 11 data, dan satire 4 data". Penggunaan metafora dan simili telah mengindahkan bahasa dalam karya sastera yang dikajinya. Selain itu, data-data lain seperti personifikasi, metonimia dan

lain-lain lagi bukan sahaja menambah keindahan pada karya sastera malah menunjukkan kekayaan unsur sastera dalam Bahasa Melayu.

Kajian Mohd. Rasdi (2011) mengenai alam budaya dalam bahasa kiasan Semai dan bagaimanakah alam mempengaruhi penggunaan bahasa kiasan dalam kehidupan sehari mereka menambah koleksi kajian dalam bahasa kiasan khasnya metafora. Unsur alam dan budaya menjadi teras kepada kelahiran bahasa kiasan seperti metafora, simili, personifikasi dan sebagainya. Bagi masyarakat Orang Asli suku kaum Semai, unsur alam dan budaya tidak asing lagi. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Asmah (1990). Kajian mendapati bahawa bahasa kiasan lahir dari kemahiran manusia terhadap alam sekelilingnya, bukan sahaja melalui ruang yang luas tetapi juga merentasi zaman. Penggunaan pelbagai unsur alam dan budaya masyarakat asli sebagai bahasa kiasan menampakkan perhubungan yang erat antara manusia dengan alam.

Masyarakat asli menjalankan aktiviti memburu, bercucuk tanam, memasak, membuka kawasan baru partanian atau penempatan mereka sebagai kerja harian mereka. Pengalaman yang mereka peroleh di sini menjadikan sebagai sumber untuk membentuk bahasa kiasan. Dalam konteks ini, orang dewasa kelihatannya dikawal melalui pendapat umum. Masyarakat Orang Asli suku kaum Semai sendiri menyatakan "Tidak terdapat pihak berkuasa di sini kecuali rasa malu". Justeru itu dalam masyarakat yang pelbagai di negara ini, pengetahuan terhadap budaya dan bahasa adalah penting bagi membentuk bahasa kiasan yang tinggi nilainya.

2.5 Kesimpulan

Keindahan bahasa adalah penting dalam menghasilkan bahasa kiasan khasnya metafora. Pengalaman kehidupan seseorang dapat membantu seseorang penulis untuk menulis sesebuah genre kesusastraan yang tinggi nilainya dari segi bahasa. Ini penting bagi menyampaikan mesej dengan mudah dan pantas. Penggunaan metafora dalam novel, cerpen dan puisi adalah penting bagi mengindahkan karya sastra. Ungkapan yang mengandungi unsur-unsur kiasan khasnya metafora ini digunakan di dalam penulisan sastra bukan semata-mata untuk mengindahkannya tetapi juga untuk menyalurkan mesej secara tidak langsung.


BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Bab ini akan menghuraikan secara terperinci tentang reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan dan proses penganalisaan data. Prosedur yang digunakan semasa pengumpulan data akan diterangkan berdasarkan jadual kerja yang disediakan. Kajian ini bersifat kajian deskriptif yang menerangkan penggunaan metafora dalam novel *Elachia Payanam*. Pengkaji telah menggunakan 30 sampel bagi mencapai tujuan kajian ini. Pengkaji mengambil pendekatan triangulasi dalam menjalankan kajian ini. Bukti yang sah daripada pelbagai sumber maklumat adalah sangat penting bagi memastikan data kualitatif lebih tepat. . Data yang dikumpul dari satu sumber boleh disahkan dengan merujuk kepada data yang sama dari sumber lain. Penggunaan kaedah ini membantu pengkaji memahami dengan jelas tentang gambaran fenomena yang dikaji.

3.1 Kerangka Kajian



Rajah 3.1: Prosedur Kerja

3.2 Kerangka Teori

3.2.1 Teori Konseptual Metafora Lakoff dan Johnson (1984)


Pengkaji telah menggunakan teori metafora konseptual Lakoff dan Johnson (1984) dalam menjalankan kajian ini. Metafora merupakan satu cara yang berkesan untuk menyampaikan sesuatu idea. Penggunaan metafora dalam sesuatu karya berhubung rapat dengan pemikiran, sistem kepercayaan, sikap dan nilai masyarakat penghasilnya. Menurut I.A.Richard (1967), metafora bukan sahaja wujud dalam bidang bahasa, malah kewujudan metafora dapat dilihat dalam bidang-bidang lain termasuk bidang sains. Metafora yang wujud dalam bahasa terbentuk daripada kognisi manusia.

Lakoff dan Johnson (1984), mengemukakan pendapat yang sama dengan I.A.Richard (1967). Menurutnya, kata dan frasa disamakan untuk membentuk satu konsep yang baharu. Lakoff dan Johnson (1984), menegaskan kehidupan sehari-hari kita menampakkan pelbagai metafora. Ayat-ayat ini *Primarily on the basis of linguistic evidence, we have found that most of our ordinary conceptual system is metaphorical in nature* menerangkan idea Lakoff & Johnson (1984,p.4), tentang metafora. Sebenarnya, struktur metafora melibatkan gabungan antara cara manusia fikir, lihat dan bertindak. Lantaran itu, wujudlah pemikiran bersifat metafora dari sistem konseptual manusia.

Lakoff dan Johnson (1984:12), mengatakan bahawa pemahaman terhadap metafora yang digunakan bergantung pada konteks. Pemahaman pada konteks seperti latar tempat, latar masa dan sebagainya memudahkan seseorang memahami mesej yang hendak disampaikan melalui sesebuah karya. Konteks yakni latar masa dan latar tempat yang berbeza akan membawa makna yang berbeza. Bertepatan dengan pernyataan dan kerangka konsep Lakoff dan Johnson (1984), dalam kajian ini pengkaji akan membuktikan unsur-

unsur metafora yang digunakan dalam novel yang memberi pelbagai interpretasi. Budaya dan konteks memainkan peranan penting dalam memahami makna sesuatu metafora. (Lakoff dan Johnson, 1984:22). Contohnya, pemahaman terhadap kehidupan di ladang penting bagi memahami bahasa kiasan khasnya metafora yang digunakan dalam sesebuah novel yang berlatarbelakangkan ladang.

Dalam membuktikan pernyataan ini, Lakoff dan Johnson (1984), menggunakan konsep *bigger is better*. Pemahaman tentang konsep ini akan berubah mengikut budaya masyarakat yang berbeza. Bukan semua orang akan menerima konsep ini. Dalam menerangkan jenis-jenis metafora, pengkaji akan menganalisis makna metafora dengan merujuk kepada penggunaan kata-kata mengikut konsep, kognisi, konteks dan pengalaman hidup manusia sepertimana dikemukakan oleh Lakoff dan Johnson (1984). Seterusnya, pengkaji akan membuat pemetaan metafora berdasarkan sumber domain (SD) dan sumber sasaran (SS) yang terdapat dalam Teori Metafora Lakoff dan Johnson (1984). Perbezaan konteks yang memberi impak dalam pemahaman metafora pula akan dianalisis dari segi pemetaan novel yang akan dibuat oleh responden dalam kajian. Berikut adalah kerangka Teori Konseptual Metafora Lakoff dan Johnson (1984).



Rajah 3.2: Teori Konseptual Metafora Lakoff & Johnson (1984)

Sumber Domain (SD) bermaksud sumber atau konsep yang bersifat konkret digunakan untuk menunjukkan persamaan dengan sumber Sasaran (SS). Manakala, sumber Sasaran (SS) bersifat abstrak merujuk kepada konsep atau benda yang diterangkan, dibincangkan, dilambangkan atau dibandingkan dengan sumber domain (SD). Contohnya, dalam metafora jantung hati sumber domainnya adalah jantung hati. Sumber sasarnya adalah orang yang dikasihi. Lakoff dan Johnson (1984) tidak mengasingkan metafora daripada bidang bahasa seperti ahli-ahli bahasa tradisional. Menurut Lakoff dan Johnson (1984:46), metafora wujud dalam bahasa daripada kognisi manusia malah bukan sesuatu yang asing daripada manusia. Berikut adalah kognisi manusia yang terdiri daripada pengetahuan/ hafalan/ ingatan (*knowledge*), pemahaman (*comprehension*), penerapan (*application*), analisis (*analysis*), Sintesis (*synthesis*) dan penilaian/ penghargaan/ evaluasi (*evaluation*) (<http://abazariat.blogspot.com>). Antara contoh yang dikemukakan oleh Lakoff dan Johnson (1984) ialah :-

THEORIES ARE BUILDINGS

*Is that the foundation for your theory ?
The theory needs more support,
We need to construct a strong argument for that.
We need to buttress the theory with solid arguments.
The theory will stand or fall on the strength of that argument.
So far we have put together only for the framework of the theory.*

Menurut ahli-ahli bahasa (Gibbs, 2006) struktur linguistik bahasa dalam contoh ini mempunyai kaitan dengan pengetahuan tentang *bangunan* (*buildings*) yang kita akan mengeksplotasikan ke atas konsep *teori* (*theory*). Struktur binaan sesuatu bangunan dikaitkan dengan penghasilan teori. Penggunaan perkataan *foundation*, *needs*, *construct*, *butress*, *stand* dan *together* berkaitan dengan konsep bangunan diikat dengan perkataan *support*, *strong*, *solid*, *strength* dan *framework* yang berkaitan dengan teori. Dalam konteks

ini, *buildings* menjadi sumber dominan (SD) manakala teori menjadi sumber sasaran (SS). Konsep ini sama dengan konseptual metafora yang lain iaitu :-

Life (SD)	is	Journey (SS)
Love (SD)	is	Journey (SS)
Understanding (SD)	is	Seeing (SS)
Organization (SD)	are	Plants (SS)

SD – Sumber Domain SS – Sumber Sasaran

Jadual 3.1 : Teori Konseptual Metafora Lakoff dan Johnson (1984)

3.3 Sumber Data kajian

3.3.1 Novel *Elachia Payanam*

Novel *Elachia Payanam* merupakan novel yang ditulis oleh Elavazhagu. Beliau seorang peniaga dan pemilik syarikat percetakan *Utaya Sooriyan*. Sejak kecil beliau berminat dalam dunia penulisan atas dorongan abangnya yang juga penyajak tanah air yang terkenal iaitu Ai.Ulaganathan. Menurut Ai.Illavalagu, inspirasi untuk menulis novel ini wujud ketika berada di rumah selama tiga bulan kerana kakinya patah dalam satu kemalangan pada tahun 1972. Pada ketika itu *National Land and Finance Cooperative (NLFC)* telah menganjurkan Pertandingan Menulis Novel buat julung kali. Beliau mula menulis novel bertajuk *Elachia Payanam* dan menyertai pertandingan tersebut. Beliau telah memenangi hadiah pertama dalam pertandingan itu.

Novel ini bersesuaian untuk kajian kerana ini merupakan novel tempatan pertama yang dijadikan teks Kesusastraan Tamil pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sejak tahun 2012. Tambahan pula, tema novel ini agak bersesuaian bagi pelajar sekolah. Temanya adalah kesungguhan dan kegigihan seseorang belia pasti membawa kejayaan. Jadi pemilihan teks ini untuk kajian adalah sangat relevan.

3.4 Responden Kajian

Persampelan merupakan kumpulan manusia mahupun objek bukan manusia yang dipilih untuk mendapatkan data bagi menyempurnakan kajian. Populasi jarang digunakan dalam kajian kerana jumlahnya yang agak besar menyebabkan penggunaan masa, wang dan tenaga yang banyak. Menurut pandangan Fraenkel, & Wallen (1995), persampelan membantu pengkaji menjimatkan masa.

Dalam kajian ini, pengkaji memilih guru Bahasa Tamil yang mengajar Kesusasteraan Tamil pada peringkat SPM sebagai kumpulan yang mewakili populasi secara rawak. Pengkaji memastikan responden kajian ini mempunyai pengetahuan Bahasa Tamil dan Kesusasteraan Tamil. Ini kerana guru yang mempunyai pengasasan bahasa Tamil dan pengetahuan komponen Kesusasteraan Tamil dapat memahami kehendak soalan dengan mudah. Tambahan lagi, sebanyak 30 orang guru Bahasa Tamil yang mengajar Kesusasteraan Tamil pada peringkat SPM dijadikan sebagai sampel bagi soal selidik kajian ini. Responden-responen ini terdiri daripada 16 lelaki dan 14 orang perempuan dalam lingkungan umur 35 hingga 55 tahun.

Negeri	Responden
Johor	9
Melaka	4
Negeri Sembilan	4
Selangor	5
Perak	3
Pulau Pinang	1
Kedah	2
Pahang	2
Jumlah	30

Jadual 3.2: Responden Kajian Mengikut Negeri

Responden dipilih daripada lapan negeri yang berada di Semenanjung Malaysia. Seramai 9 guru bahasa Tamil dari negeri Johor telah terlibat dalam kajian ini. Ini kerana pengkaji telah bekerja sebagai guru di negeri tersebut. Seramai 5 responden telah terpilih dari negeri Selangor dan 4 daripada Melaka dan Negeri Sembilan terlibat dalam kajian ini. Responden lain telah dihubungi melalui telefon dan *emel*. Manakala 3 responden dari negeri Perak, dan 2 responden dari negeri Kedah dan negeri Pahang turut serta dalam kajian ini. Hanya seorang responden dari negeri Pulau Pinang telah terlibat dalam kajian ini. Dalam kajian ini tiada responden dari negeri Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak kerana tiada calon kesusasteraan Tamil di negeri-negeri tersebut. Ini menyebabkan tiada guru bagi subjek tersebut di sana.

Responden	Sekolah	Daerah	Pengalaman mengajar
R1	SMK Jalan Mengkibol, Johor	Kluang	15
R2	SMK Convent, Johor	Kluang	26
R3	SMK Tengku Aris Bendahara, Johor	Kluang	27
R4	SMK Paloh, Johor	Kluang	12
R5	SMK Kulai Besar, Johor	Kulai	20
R6	SMK Desa Skudai, Johor	Johor Bahru	25
R7	SMK Cha'ah,Johor	Segamat	25
R8	SMK Sri Tangkak, Johor	Tangkak	10
R9	SMK Tun Perak, Johor	Muar	23
R10	SMK Jasin, Melaka	Jasin	20
R11	SMK Iskandar Shah, Melaka	Jasin	21
R12	SMK Tebong, Melaka	Alor Gajah	11
R13	SMK Datuk Haji Talib Karim, Melaka	Alor Gajah	18
R14	SMK Taman Indah,N.Sembilan	Tampin	22
R15	SMK Tengku Besar,N.Sembilan	Tampin	22
R16	SMK Bahau, N.Sembilan	Jempol	13
R17	SMK Bahau 2, N.Sembilan	Jempol	10
R18	SMK Khir Johari, Perak	Batang Padang	16
R19	SMK Datuk Hj Abdul Wahab,Perak	Kuala Kangsar	24
R20	SMK St.George, Perak	Larut	17
R21	SMK Raja Mahadi,Selangor	Klang	13
R22	SMK Tengku Ampuan Jemaah,Selangor	Klang	27
R23	SMK Bt 4,Selangor	Hulu Langat	15
R24	SMK Methodist, Selangor	Kuala Langat	22
R25	SMK Sepang,Selangor	Sepang	21
R26	SMK Gurun,Kedah	Gurun	15
R27	SMK Bakar Arang, Kedah	Sungai Petani	15
R28	SMK Hwa Lian, Pahang	Mentakab	22
R29	SMK Bentong,Pahang	Bentong	14
R30	SMK Mutiara Impian, Pulau Pinang	Simpang Empat	15

Jadual 3.3: Maklumat Responden Mengikut Sekolah dan Pengalaman Mengajar

3.5 Instrumen Kajian

3.5.1 Soal selidik

Kajian ini menggunakan soal selidik untuk mendapatkan data kajian. Ia merupakan satu instrumen yang digunakan untuk mengumpul data kajian dan pendapat responden melalui satu set siri soalan. Menurut Fink (1995), soal selidik bermaksud cara penghasilan data kajian untuk menerang, membuat perbandingan dan meramal sifat, pandangan, nilai dan kelakuan berpandukan maklumbalas yang diberikan oleh responden. Soal selidik biasanya mengemukakan 2 jenis soalan iaitu soalan terbuka dan tertutup. Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah mengemukakan soalan terbuka kepada responden soal selidik bagi tujuan mengumpul data kajian. Data yang dikumpulkan daripada soalan terbuka ini bersifat kurang berstruktur. Maka, pengkaji akan menganalisis data soal selidik ini secara kualitatif bagi menjawab persoalan kajian kedua.

Pada peringkat awal, pengkaji akan menyediakan satu set soal selidik yang merangkumi 2 bahagian. Pada bahagian pertama, pengkaji akan mengemukakan soalan-soalan yang berkaitan dengan maklumat diri responden soal selidik. Dalam bahagian kedua pula, terdapat ungkapan-ungkapan yang mengandungi metafora. Dalam bahagian ini, responden perlu menyatakan pemahaman mereka tentang metafora tersebut. Sebanyak 20 ungkapan yang mengandungi metafora telah diedarkan untuk dijawab oleh responden.

Pada masa yang sama satu set soal selidik ditadbir kepada penulis novel, Elavalagu. Penulis novel menyatakan maksud sebenar-benarnya yang ingin disampaikannya melalui metafora tersebut. Persamaan dan perbezaan yang wujud antara jawapan responden dan penulis novel akan menjawab persoalan kedua dalam kajian ini. Sebelum mengendalikan

soal selidik, pengkaji mentadbir kajian rintis. Seramai 5 orang guru Bahasa Tamil yang mengajar Kesusasteraan Tamil pada peringkat SPM telah menjawab kajian rintis ini. Kajian rintis dijalankan untuk mengenal pasti masalah pemahaman yang wujud dalam soalan yang diberikan.

Responden	Soalan 1	Soalan 2	Soalan 3	Soalan 4
1	/	X	X	X
2	/	/	/	/
3	X	/	X	/
4	/	X	/	/
5	X	/	X	X

/ - tepat X – tidak tepat

Jadual 3.4: Keputusan kajian rintis

Keputusan kajian rintis menunjukkan 45 % jawapan adalah tidak tepat bila dibanding dengan jawapan penulis novel. Ini memberi ruang kepada pengkaji untuk menilai maklumat yang diperolehi daripada responden sama ada sesuai dengan persoalan kajian atau tidak. Tambahan lagi, pengkaji dapat memurnikan soalan-soalan agar mudah difahami oleh responden. Berpandukan hasil kajian rintis ini, pengkaji telah melakukan beberapa perubahan. Antara perubahannya adalah dari segi pembinaan struktur ayat.

Setelah berbincang dengan mantan pensyarah, En.Supramani Shoniah, metafora yang merungsingkan responden digugurkan. Metafora ini diganti dengan metafora yang lain yang lebih mudah difahami dan sesuai dengan pengetahuan responden. Akhirnya satu perbincangan bersama dua orang pensyarah yang pakar dalam bahasa Tamil iaitu Dr. Karunakaran Krishnamoorthy dan Dr. Krishnan Ramasamy telah diadakan bagi mengesahkan metafora-metafora yang dipilih. Didapati bahawa novel *Elachia Payanam*

mempunyai sejumlah 49 metafora dan metafora personifikasi yang telah diklasifikasikan dengan menggunakan Instrument Klasifikasi Metafora (Lampiran 1). Menurut pengamatan responden setelah berbincang dengan mantan pensyarah, pengkaji telah mengkategorikan kesemua metafora kepada lima unsur iaitu alam, binatang, anggota badan, perlakuan dan lain-lain. Pembahagian dibuat menggunakan Instrumen Penganalisisan Bahasa Kiasan Berdasarkan Unsur-unsur (Lampiran 2).

3.6 Kaedah Pengumpulan Data

3.6.1 Kajian teks

Pada awalnya pengkaji membaca novel *Elachia Payanam* untuk mengenalpasti metafora-metafora yang digunakan dalam novel tersebut. Setelah metafora disenaraikan dalam borang penganalisisan, ia diserahkan kepada mantan pensyarah pembimbing En. Supramani A/L Sonniah bagi mengesahkan pemilihan metafora tersebut. Selepas itu, pengkaji berbincang dengan mantan pensyarah pembimbing, Dr. Karunakaran dan Dr. Krishnan untuk memilih metafora untuk mentadbir soal selidik.

3.6.2 Data Soal Selidik

Setiap jawapan soal selidik responden dibaca dan diklasifikasikan mengikut objektif kajian. Pemahaman responden terhadap metafora diberi penekanan. Pengkaji mengamati setiap jawapan untuk penganalisisan yang tepat. Jawapan-jawapan yang dikemukakan oleh 30 responden diklasifikasikan dalam borang pengklasifikasian jawapan metafora (Lampiran 1). Terdapat empat pilihan pada jawapan responden iaitu jawapan yang tepat, jawapan yang kurang tepat, jawapan yang tidak tepat dan tidak menjawab. Selepas itu, data akan dianalisis.

3.6.3 Kajian perpustakaan

Kaedah kajian perpustakaan digunakan untuk mengumpul maklumat tentang prosedur menjalankan kajian ini. Kaedah ini penting bagi meneliti kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh pengkaji lain berdasarkan analisis teks. Pengkaji menjalankan kajian perpustakaan ke atas kajian-kajian lepas, jurnal, buku dan buku-buku latihan ilmiah khususnya kajian yang berkaitan dengan bidang metafora dan novel. Melalui kaedah ini, pengkaji mendapat idea cara reka bentuk kajian perlu digunakan.

Antara sumber yang digunakan sebagai bahan kajian perpustakaan ialah buku-buku rujukan, jurnal, artikel dan buku-buku ilmiah. Buku-buku yang membincang teori metafora dan novel dijadikan bahan rujukan untuk mengenal pasti teori-teori yang bersesuaian untuk menjalankan kajian ini. Terdapat berbagai-bagai jenis buku yang membincang teori-teori metafora. Daripada sumber ini pengkaji dapat mengumpul maklumat yang lebih terperinci berkaitan asal-usul dan perkembangan teori metafora dan novel bahasa Tamil.

Kajian-kajian lepas yang berkenaan dengan tajuk penyelidikan ini membantu pengkaji merangka kajian ini. Secara keseluruhannya, kajian-kajian itu dibahagikan kepada 2 jenis iaitu kajian berkaitan metafora dan novel. Pengkaji telah mengenal pasti beberapa kajian yang telah mengkaji metafora dalam cerpen, iklan, lirik lagu, sms, puisi dan sebagainya. Terdapat juga kajian yang dijalankan ke atas novel dari aspek keindahan bahasa dan penggunaan bahasa kiasan. Pengkaji juga telah mengenal pasti beberapa artikel dan jurnal yang berbincang tentang metafora dan novel. Cara menganalisis data daripada novel dan metafora yang telah dibincang dalam jurnal dan artikel telah dijadikan rujukan untuk menjalankan kajian ini.

3.7 Penganalisisan Data Kajian

Dalam proses menganalisis data kajian, pengkaji menggunakan kajian kualitatif untuk mencari jawapan bagi persoalan-persoalan kajian seperti berikut :-

Langkah 1	3.5.1 Jenis-jenis metafora yang terdapat dalam novel <i>Elachia Payanam</i> <input type="checkbox"/> Mengkategorikan metafora dalam novel mengikut jenis berdasarkan Teori Metafora Lakoff dan Johnson (1980)
Langkah 2	3.5.2 Perbezaan Penginterpretasian antara responden guru Bahasa Tamil dan Kesusateraan Tamil dengan penulis novel <input type="checkbox"/> Analisis data soal selidik <input type="checkbox"/> Mengenal pasti persamaan dan perbezaan <input type="checkbox"/> Menyatakan sebab-sebab wujud percanggahan pemahaman maksud metafora

Jadual 3.5 : Prosedur Penganalisisan Data

Sebagai langkah pertama, pengkaji membaca novel dan menyenaraikan metafora mengikut jenis-jenis metafora yang dikategorikan oleh Lakoff dan Johnson (1984) untuk menjawab persoalan kajian yang pertama. Pengkaji telah mengamati setiap metafora sebelum menentukan jenisnya. Setiap metafora ditentukan jenisnya mengikut ciri-ciri yang disyorkan dalam teori metafora Lakoff dan Johnson (1984). Setelah itu, pengkaji juga mengkodifikasi metafora dengan meletakkan huruf “M” untuk merujuk pada metafora. Metafora yang terawal pada muka surat novel diberi nombor satu dan seterusnya. Contohnya, Metafora 1 dikodkan sebagai M1 (*Rujuk Lampiran 1*). Semasa menganalisis dan membincang data, pengkaji telah merujuk pada metafora mengikut kod ini. Semasa proses mengenal pasti dan membincang jenis-jenis metafora, pengkaji telah membekalkan penterjemahan literal setiap metafora dari bahasa Tamil ke dalam bahasa Melayu. Penterjemahan ini akan memudahkan para pembaca lebih memahami dan menikmati isi kandungan setiap metafora.

Langkah kedua, setiap jawapan responden yang dikumpulkan akan dianalisis. Persamaan dan perbezaan jawapan antara responden dan penulis novel diambilkira dalam penganalisisan ini. Pengkaji juga akan melihat sebab-sebab wujud perselisihan pemahaman maksud metafora di antara responden dengan penulis novel.

3.8 Kesimpulan


Kesimpulannya, Bab 3 ini membincangkan dengan mendalam kaedah-kaedah yang digunakan dalam kajian ini. Metodologi merupakan tulang belakang sesuatu kajian. Oleh itu, pemilihan kaedah dan teori yang tepat adalah penting. Kajian ini juga bersifat kuantitatif. Data kajian telah disusun secara sistematik bagi mencapai objektif kajian ini.

BAB 4

PENGANALISISAN DATA

4.0 Pengenalan

Bab ini menerangkan tentang penganalisisan data kajian bagi menjawab persoalan-persoalan kajian. Proses penganalisisan data diterangkan dalam Jadual 4.1 bagi memudahkan pemahaman. Pada keseluruhannya data dianalisis secara kualitatif bagi menjawab kedua-dua persoalan kajian. Soalan kajian pertama telah memberi fokus kepada pengkaji untuk mengetahui apakah jenis-jenis bahasa kiasan yang terdapat dalam novel *Elachia Payanam*. Persoalan kedua pula, telah memberi fokus kepada pengkaji untuk menganalisis persamaan dan perbezaan interpretasi semantik antara penulis dengan para responden tentang metafora yang digunakan dalam novel *Elachia Payanam*.



Jadual : 4.1 Carta Aliran Analisis

Metafora adalah hubungan yang wujud antara sesuatu objek dengan satu objek yang lain. Bukan itu sahaja, ia melibatkan konsep, benda bersifat konkret dan bersifat abstrak. Metafora dapat dikatakan sebagai suatu bandingan atau analogi. Kata bandingan seperti ‘umpama’, ‘bak’ dan ‘bagai’ tidak digunakan. Metafora terdiri daripada komponen sumber yang bersifat konkret manakala yang bersifat abstrak dikenali sebagai komponen sasaran (Hatch & Brown:1995). Komponen sumber menjadi penerang kepada sasaran yang disertai dengan proses pemindahan ciri-ciri yang ada pada sumber kepada sasaran.


Mengikut teori Lakoff dan Johnson (1984), jenis-jenis metafora dikategorikan kepada 3 jenis, iaitu metafora struktural, ontologi dan orientasi. Sejumlah 49 metafora dikenalpasti dalam novel *Elachia Payanam*. Kajian ini tertumpu kepada metafora sahaja. Menurut Lakoff, personifikasi juga sebahagian daripada metafora, maka personifikasi yang terdapat dalam novel *Elachia Payanam* turut dikaji. Setelah mengamati kesemua metafora dan setelah berbincang dengan mantan pensyarah peribadi, pengkaji telah mengkategorikan metafora kepada alam, anggota badan, binatang, perlakuan dan lain-lain.

Jadual 4.2: Bilangan Metafora dan Personifikasi dalam Novel *Elachia Payanam*

Jenis	Bilangan
Metafora	42
Metafora Personifikasi	7
Jumlah Metafora yang dikaji	49

UNSUR	BILANGAN	PERATUS (%)
Alam	17	34.7
Binatang	11	22.5
Lain-lain	10	20.4
Perlakuan	8	16.3
Anggota Badan	3	6.1
Jumlah	49	100

Jadual 4.3: Pengkategorian Metafora Mengikut Unsur



Rajah 4.1: Pengkategorian Metafora Mengikut Unsur

Daripada 49 metafora 8 iaitu 16.3% adalah metafora yang berunsur perlakuan. Perlakuan manusia seperti menangis, kerjasama, percaduhan merupakan antara perlakuan yang digunakan sebagai metafora dalam novel ini. Seterusnya, metafora berunsur alam seperti api, laut, hutan dan sebagainya juga terdapat dalam novel ini iaitu 17 metafora

bersamaan 34.7%. Selain ini, metafora berunsur binatang adalah 11 (22.5%). Metafora berunsur anggota badan adalah 3 (6.1%). Binatang-binatang seperti anjing, serigala, helang, burung hantu dimetaforakan oleh penulis novel. Manakala, tangan, pipi, dan mata juga digunakan sebagai metafora. Selain ini terdapat 10 lagi metafora (20.4%) yang dimasukkan dalam kategori lain-lain. Walaupun Lakoff dan Johnson menyatakan terdapat tiga jenis metafora tetapi dalam novel ini hanya terdapat 2 jenis metafora iaitu metafora struktural dan metafora orientasi.

4.1 Metafora Struktural

Satu konsep dari suatu hal yang distrukturkan secara metaforik dalam hal yang lain dikatakan sebagai metafora struktural (Lakoff & Johnson, 1984). Metafora struktural melihat persamaan yang wujud antara objek abstrak dan objek konkret yang dibentuk menggunakan konsep lain berdasarkan SD (Source Domain) dan TD (Target Domain) (Kovecses, 2002). Pada asasnya, konsep ini wujud daripada korelasi dalam pengalaman seharian manusia di mana konsepnya disusun secara sistematik (Lakoff & Johnson, 2003).

Dalam novel *Elachia Payanam*, terdapat 46 metafora berbentuk struktural. Pengalaman pengarang yang hidup di ladang digunakan untuk menghasilkan metafora. Penulis novel melihat persamaan yang wujud antara objek abstrak dan objek konkret yang dibentuk menggunakan konsep lain berdasarkan sumber domain (SD) dan sumber sasaran (SS). Dalam kesemua 46 metafora dapat dilihat persamaan yang wujud antara objek abstrak dan objek konkret.

4.1.1 Metafora Struktural Berunsur Perlakuan

Penulis novel menggunakan perlakuan manusia untuk dijadikan metafora bagi menyampaikan mesej kepada para pembaca. Bahagian yang bergaris dalam ujaran bahasa Tamil dan penterjemahan bahasa Melayu adalah metafora.

Contoh 1:

அன்பின் வழியில் அயரா முயற்சியில் வெற்றியை அறுவடை செய்யும் இரகசியம் தெரிந்தது மாதவனுக்கு.

Penterjemahan Literal:

Madhavan mengetahui bahawa rahsia untuk menuai kejayaan adalah usaha gigih dan kasih sayang.

Dalam contoh 1, metafora *menuai kejayaan* (வெற்றியைஅறுவடை) menuai merupakan sumber domain (SD) manakala usaha mencapai kejayaan adalah sumber sasaran (SS). Seseorang dapat mengecapi kejayaan dengan pelbagai cara. Setiap individu mempunyai cara masing-masing untuk menuai kejayaan. Antaranya adalah usaha gigih dan kasih sayang. Dalam konteks novel ini, Madhavan telah berusaha gigih untuk mengubah nasib keluarganya. Kegigihan tersebut telah membawa hasilnya sehingga Madhavan menjadi pemilik ladang.

Contoh 2:

அவர்களுக்கு முன்னால் தன்நிர்வாணமான மனதைக் காட்ட பயந்து அதனைக் சுயக்கெளரவும் என்னும் போர்வையால் மூடிக் கொண்டாள்

Penterjemahan Literal:

Mereka [iaitu kerani peladang] yang takut tindakan [kejam] mereka yang lepas akan didedahkan, Jadi mereka menyelimuti maruah dirinya.

Dalam contoh 2, metafora *menyelimuti maruah dirinya* (சுயக்ளரவும் என்னும் போர்வையால் மூடிக் கொண்டாள்). Dalam konteks ini, perlakuan menyelimuti berfungsi sebagai sumber domain (SD) dan menjaga maruah sebagai sumber sasaran (SS). Penindasan terhadap masyarakat ladang adalah satu kebiasaan. Kerani yang merupakan orang yang berpengaruh di ladang selalu menindas masyarakat ladang. Jika penduduk ladang ditangkap dengan apa juu kesalahan, mereka akan diugut. Adakalanya perempuan-perempuan di ladang terpaksa menggadai maruah untuk menjamin pekerjaan di ladang.

4.1.2 Metafora Struktural Berunsur Alam

Dalam novel *Elachia Payanam* terdapat 17 metafora berunsur alam. Penulis novel menggunakan akar, laut, api dan sebagainya sebagai sumber domain dalam metafora.

Contoh 1:

இந்த இருள் தோட்டத்தை விட்டு எப்போது விலகுமோ?

Penterjemahan Literal:

Bilakah kegelapan ini akan hilang dari ladang ini?

Dalam contoh 1, kegelapan atau ketiadaan cahaya (இருள்) digunakan sebagai sumber domain (SD). Ketiadaan keinsafan sebagai sumber sasaran (SS). Masyarakat ladang tidak boleh hidup selama-lamanya di ladang. Apabila tiba masanya peladang perlu membuat keputusan untuk keluar dari ladangnya (Karupiah, 2006). Tetapi bilakah keinsafan ini akan cetus dalam jiwa mereka? Dalam novel ini, watak utama Madhavan telah membuat keputusan untuk keluar dari ladang dan memulakan kehidupan baru di pekan yang berhampiran, Sitiawan. Tindakannya telah ditegur oleh beberapa orang yang rapat

dengannya di ladang. Walau bagaimanapun, dia cuma mengharapkan keinsafan dari mereka.

Contoh 2:

மனதில் குதாகலம் **கொப்பளித்துவந்தது**.

Penterjemahan Literal:

Hatinya digemuruhi dengan didihan [gunung berapi] kegembiraan.

Dalam contoh 2, *hatinya digemuruhi dengan didihan* (மனதில் குதாகலம் கொப்பளித்து) merupakan metafora. Dalam metafora ini kegembiraan merupakan sumber sasaran (SS). Ketika seseorang menerima berita gembira, kita berasa seronok dan hatinya melayang. Berita baik itu mampu mengubati segala kelukaan yang dialami sekian lama. Tambahan lagi, kegembiraan berlipat ganda bahkata perumpamaan Tamil, *pazham nalavi paalil vizhunthathu poola* (Bahagian Perkembangan Kurikulum, 2008). Jadi, penulis novel memetaforakan kegembiraan yang tidak terhingga itu kepada kegemuruan dan kelimpahan larva gunung berapi. Dalam situasi di atas kegembiraananya dimetaforakan kepada keadaan melimpah larva gunung berapi (SD). Keadaan melimpah keluar larva gunung berapi dimetaforakan kepada kegembiraan yang tidak terhingga.

Contoh 3:

தொழிலாளர்கள் சங்கத்தை விரும்பினாலும் நிர்வாகம் எப்படியாவது அவர்களிடம் பிரித்தானும் கொள்கையைக் கடைபிடித்துப் பல வஞ்சகவழிகளால் **சங்கத்தின் வேர்கள்** அந்தத் தோட்டத்து எல்லைக்குள் ஊன்றிவிடாமல் கவனித்துக் கொண்டது.

Penterjemahan Literal:

*Pihak pengurusan ladang dengan apa jua cara akan memastikan **akar persatuan** pekerja tidak **berjalar** masuk ke ladang.*

Dalam contoh 3, akar persatuan (**சங்கத்தின் வேர்கள்**) merupakan metafora. Dalam hal ini ‘akar’ dijadikan sumber domain (SD) dan kegiatan persatuan untuk menawan minda pekerja ladang sebagai sumber sasaran (SS). Apabila kita menanam pokok, akar pokok pastinya akan menjalar jauh ke dalam tanah untuk memberi cengkaman kuat pada pokok. Selepas zaman kemerdekaan penglibatan dalam persatuan pekerja telah giat dijalankan. Propaganda mengenai kebaikan berpersatuan disebarluaskan di semua ladang. (Muthu Krishnan, 2013). Dalam novel ini, persatuan pekerja dianggap sebagai agen yang akan memesongkan pemikiran pekerja ladang ke arah mereka. Maka persatuan pekerja dilihat sebagai akar yang menjalar iaitu agen yang mempunyai pengaruh kuatnya ke atas pekerja ladang.

Contoh 4:

ராதாவின் கண்ணீர், கண்ணீர்க் கடலாகவே மாறிவிட்ட தங்கத்தையும் உலுக்கியது

Penterjemahan Literal:

Lautan tangisan Radha telah menggugat jiwa kakak Thangam.

Dalam contoh 4, lautan tangisan (**கண்ணீர்க் கடலாகவே**) merupakan metafora dalam contoh ini. Lautan sebagai sumber domain (SD). Manakala, tangisan (**கண்ணீர்**) adalah sumber sasaran (SS). Sumber sasaran merujuk kepada kesengsaraan dan kederitaan yang dialami oleh seseorang. Sebanyak 70 % daripada muka bumi ini diliputi oleh laut dan lautan (Vairamuthu, 1996) Keluasan laut tidak ada bandingannya. Penulis novel menggunakan metafora lautan untuk tangisan kerana (i) air tangisan serta air laut rasanya adalah masin dan (ii) keluasan lautan melambangkan betapa besarnya kepedihan hati. Dalam novel ini, watak sampingan, Radha, hidup merana kerana ibu bapanya mengahwinkannya dengan lelaki bukan pilihannya. Sebenarnya, dia mencintai Madhavan.

Oleh kerana berlainan kasta, dia dikahwinkan dengan anak saudaranya. Keadaan ini menyebabkan Radha menangis sepanjang hari. Tangisannya dikaitkan dengan lautan iaitu kawasan perairan yang luas dan dalam. Begitu banyak mata air mengalir keluar dari matanya. Maka dalam konteks ini lautan menjadi sumber domain manakala tangisan yang menunjukkan kesengsaraan hati yang dialami Radha menjadi sumber sasaran.

Contoh 5:

சித்தியவான் நகரிலும் உதயசூரியன் நிலையம் மெல்ல மெல்ல தன் கதிர்களைப் பரப்பியது.

Penterjemahan Literal:

Syarikat Utaya Sooriyan sedikit demi sedikit mula mengembangkan sinarannya di bandar Sitiawan.

Dalam contoh 5, *mengembangkan sinarannya* (கதிர்களைப் பரப்பியது) adalah metaforanya. Dalam konteks ini, sinaran matahari menjadi sumber domain (SD). Perkembangan atau kemajuan dalam usaha dianggap sumber sasaran (SS). Perkembangan sesebuah syarikat amat penting dalam dunia perniagaan. Begitu juga dengan syarikat yang dimulakan oleh watak utama, Madhavan dalam novel *Elachia Payanam*. Daripada tidak diketahui umum, berkat usahasama dari kawannya, Tamilarasan, menjadikan syarikat tersebut mula dikenali ramai.

Contoh 6:

அந்தப் பெண் மற்றப் பெண்களைப் போல அல்ல. அவள் நெருப்பு. கட்டு விட்டாள்.

Penterjemahan Literal:

Dia bukan perempuan sebarang. Dia adalah api. Sebab itu dia akan membakarnya (iaitu melukakannya).

Dalam contoh 6, *Dia adalah api* (அவள் நெருப்பு) merupakan metafora. Dalam konteks ini, api adalah sumber domain (SD); kegarangan wanita sebagai sumber sasaran

(SS). Salah satu elemen alam adalah api. Dalam zaman neolitik, masyarakat telah menyalakan api untuk menyampaikan sesuatu mesej melalui kepulan asap. Api juga telah digunakan untuk menyelamatkan diri (Abdul Hakim, 2016). Dalam novel ini, api digunakan sebagai metafora untuk perempuan yang berani dan tegas. Ketika menghadapi gangguan seksual daripada lelaki, perempuan perlu bertindak sebagai api. Tindakan perempuan untuk menyelamatkan dirinya sendiri adalah penting. Keselamatan diri perempuan bergantung pada tindakan mereka sebagai api. Tanpa apa-apa belas kasihan api menjilat segala-galanya. Begitulah juga tindakan wanita yang perlu menjamin keselamatan diri mereka. Tanpa melihat darjat, kedudukan, status seseorang sebelum mengambil tindakan terhadap seseorang.

Contoh 7:

பெண்கள் இருப்பா இருக்கலோம். வேறு என்ன? அப்படி இருந்தா தவறுகள் நேராது.

Penterjemahan Literal:

Perempuan perlu menjadi api. Apa lagi? Sekiranya mereka berbuat demikian, kejadian buruk tidak akan mendekati mereka. ketindasan dan ketidaksamarataan terhadap mereka tidak akan berlaku.

Dalam contoh 7, *Perempuan perlu menjadi api* adalah metaforanya. Dalam konteks ini, api adalah sumber domain (SD); kegarangan wanita sebagai sumber sasaran (SS). Kaum perempuan lazim dikaitkan dengan sikap lemah –lembut dan tidak agresif. Oleh kerana sikap ini, lelaki sering mengambil kesempatan untuk menggoda mereka (Segar, 2012). Jadi, mereka tidak seharusnya memberi ruang dan peluang kepada pihak lelaki untuk melakukan apa jua paksaan. Dalam situasi ini, penulis menegur kaum hawa agar perlu bertindak sebagai api. Ringkasnya, api adalah sumber domain manakala sifat ketegasan dan kegarangan perempuan merupakan sumber sasaran.

Contoh 8:

வெளிப்பார்வைக்குச் சலனமில்லாத ஆறு போலத் தெரிந்த வாணிபத்துறை இறங்கிப் பார்த்த பிறகு பெருங்கடல் என்பதை அவனுக்கு உணர்த்தியது

Penterjemahan Literal:

Pada pandangan mata kasar perniagaan dianggap sungai yang kecil sahaja. Tetapi setelah menceburi bidang ini baru sedar bahawa perniagaan adalah lautan.

Dalam contoh 8, perniagaan adalah lautan (வாணிபத்துறை பெருங்கடல்). Dalam konteks ini, sungai kecil dan lautan berfungsi sebagai sumber domain (SD) manakala usaha yang senang dan cabaran adalah masing-masing sumber sasaran (SS). Dunia perniagaan merupakan satu bidang yang penuh dengan pelbagai cabaran. Kita harus memiliki ketabahan dan kesungguhan untuk mengharungi lautan perniagaan. Walaupun secara mata kasar perniagaan hanya melibatkan jual beli sesuatu barang, tetapi ia melibatkan pelbagai aspek lain. Seseorang yang melibatkan diri dalam perniagaan harus menguasai kemahiran komunikasi, perhiasan diri, cara menarik pelanggan dan sebagainya. Jadi, kemahiran jual beli sahaja tidak memadai untuk bermula. Dalam novel ini, pada mulanya Madhavan mengambil mudah akan dunia perniagaan yang kelihatan seakan sungai kecil. Tetapi apabila menceburi perniagaan, baru dia sedar bahawa perniagaan adalah lautan besar.

Contoh 9:

அவனுள் அடங்காமல் ஏரிந்த இலட்சியத்தீ அவனது பசியையும் உறக்கத்தையும் அவனுக்கு மறக்கச் செய்தது

Penterjemahan Literal:

Api keazaman menyebabkannya lupa akan makanan dan tidur.

Dalam contoh 9, *api keazaman* (**இலட்சியத்தி**) merupakan metaforanya. Dalam konteks ini, api dijadikan sumber domain (SD). Manakala, keazaman adalah sumber sasaran (SS). Setiap individu perlu mempunyai cita-cita. Kita harus menanam keazaman dalam jiwa untuk mencapai matlamat hidup. Perjalanan ke arah puncak kejayaan akan melalui pelbagai cabaran. Kita seharusnya memiliki ketabahan dan kecekalan hati (Sivam, 2015). Adakalanya kita perlu beranikan diri untuk menghadapi rintangan hidup. Andaikata kita gagal buat kali pertama , kita harus mencari kelemahan dan memperbaikinya agar kita mencapai kejayaan. Dalam novel ini, Madhavan berazam untuk memiliki ladangnya sendiri. Dia bekerja keras untuk memajukan diri. Pada awalnya dia membuka perniagaan kedai buku, diikuti dengan perniagaan makanan. Setelah itu dia membeli sebuah kebun kecil. Dalam perjalanan mencapai kejayaan dia banyak mengorbankan masa dan tenaga. Akhirnya dia berjaya memiliki ladang.

Contoh 10:

அந்த நாவலில் அப்பழக்கற்ற புனிதமலர்களாக அரவிந்தனும் பூரணியும் விளங்கினர்

Penterjemahan Literal:

Aravinthan dan Poorani terkenal sebagai **bunga suci** dalam novel tersebut.

Dalam contoh 10, **bunga suci** (**புனிதமலர்களாக**) adalah metaforanya. Dalam contoh di atas, bunga suci dikaitkan dengan kesucian. Kelembutan dan kesucian dikaitkan dengan sifat *poorani* yang terlalu soleha dan lembut. Jadi, bunga adalah sumber domain (SD) yang melambangkan kesucian wanita iaitu sumber sasaran (SS). Bunga merupakan simbol kegembiraan, keharmonian, perpaduan, kemakmuran dan ketenangan (Pichamuthu, 1988). Hampir semua budaya di dunia ini memberi keutamaan kepada bunga. Masyarakat India menggunakan bunga dalam semua upacara keagamaan dan kebudayaan mereka. Dari masa manusia lahir hingga ke kubur, bunga menjadi unsur utama dalam semua upacara kaum India.

Contoh 11:

சந்தேகம், சபலம் போன்ற சக்திகளில் விழாமல் சோதனை நெருப்பில் குளித்து வருவது ஆத்மாவுக்கு வலுவையும் பொலிவையும் சேர்க்கும் என்று நம்பினான்.

Penterjemahan Literal:

Madhavan percaya bahawa kesangsian dan penggodaan wanita merupakan dua ujian api yang boleh menjatuhkan seseorang. Kejayaan menangani kedua-dua ini akan memberikan ketenangan pada jiwanya.

Dalam contoh 11, *ujian api* (சோதனைநெருப்பில்) adalah metaforanya. Dalam konteks ini, api menjadi sumber domain (SD) dan ujian menjadi sumber sasaran (SS). Ujian merujuk kepada kecekalan mental seseorang menghadapi sesuatu masalah. Kejayaan tidak akan datang bergolek. Kita seharusnya menentukan matlamat dan merancang langkah-langkah yang sesuai agar dapat mencapai kejayaan. Dalam proses menggapai kejayaan, kita akan ditemukan dengan pelbagai rintangan. Kita seharusnya mengharungi setiap dugaan dengan penuh kesabaran (Navraj, 2000). Individu yang berjaya boleh dicemburui oleh orang lain. Orang yang cemburu dapat mencari pelbagai cara untuk menjatuhkan individu yang berjaya. Antaranya adalah dengan menggunakan penggodaan wanita, rasuah, tomohan, penyelewengan kuasa, penyelewengan wang yang dianggap sebagai ujian api. Individu yang berjaya mengatasi nafsu diri akan berjaya dalam ujian api yang dirancang oleh individu lain.

Contoh 12:

அந்த இளம் மலர்களை விரைவாக வீட்டுக்கு அனுப்பி வைத்தான்.

Penterjemahan Literal:

Thangam meminta kedua-dua bunga yang belum mekar itu supaya cepat kembali ke rumahnya.

Dalam contoh 12, *bunga yang belum mekar* (இளம் மலர்களை) adalah metafora. Bunga yang belum mekar menjadi sumber domain (SD) untuk melambangkan dua kekasih yang masih mentah. Usia muda dua kekasih adalah sumber sasaran (SS). Dalam konteks

bahasa Tamil, bunga ros sering diibaratkan kepada kekasih (Gopalan, 2008). Situasi yang sama dapat dilihat dalam konteks ini. Dalam novel ini, Madhavan dan Radha dilamun cinta. Mereka sentiasa bertemu di rumah jiran Radha iaitu kakak Thanggam. Oleh kerana percintaan mereka masih pada peringkat awalnya, maka ia dianggap percintaannya pada peringkat awal.

Contoh 13:

அவர்களது நட்புப் பயிறை அவர்களே பேசி முடிவெடுத்து அழிக்கத்
தயாராகிவிட்டார்கள்

Penterjemahan Literal:

Mereka telah bersedia untuk menamatkan **persahabatan yang baru berputik**

Dalam contoh 13, *persahabatan yang baru berputik* (நட்புப்பயிறை) merupakan metafora. Dalam hal ini, persahabatan yang baru berputik adalah sumber domain (SD). Manakala keutuhan persahabatan adalah sumber sasaran (SS). Persahabatan merupakan satu ikatan yang unik. Rakan merupakan individu yang sentiasa bersama dalam keadaan senang mahupun susah (Selvajothi, 2009). Adalah sukar bagi individu untuk menamatkan persahabatan dengan seseorang yang dianggap kawan rapat. Dalam konteks novel, Madhavan dan Radha telah berbincang untuk menamatkan persahabatan yakni percintaan yang memutik dalam diri mereka.

Contoh 14:

அந்த வீடே கன்னீர் காட்டபயிற்று

Penterjemahan Literal:

Rumahnya menjadi **hutan tangisan.**

Dalam contoh 14, *hutan tangisan* (கண்ணீர்காடாயிற்று) merupakan metafora.

Dalam hal ini, hutan tangisan (sumber domain) adalah metafora yang digunakan oleh penulis untuk menunjukkan kegelapan dan suasana tegang dan sedih yang akan menyelubungi kehidupan Radha (sumber sasaran). Tangisan menjadi penawar bagi kedukaan yang dihadapi seseorang. Apabila menangis diharapkan tekanan dan beban yang dihadapinya menjadi ringan (Shamalah, 2017). Dalam novel ini, ayah Radha, Tharmalinggam, telah memutuskan untuk mengahwinkan Radha kepada anak saudaranya. Walaupun ahli keluarga Radha tidak bersetuju dengan tindakan tersebut, namun mereka tidak boleh mengingkari keputusan ayah Radha. Keadaan ini menyebabkan Radha dan ibunya menangis mengenangkan nasib yang menimpa mereka.

Contoh 15:

பேசும்போதே அவன் கண்களில் **நீர் திரையிட்டது.**

Penterjemahan Literal:

*Masa dia bercakap kelihatan **layar/tirai air matanya.***

Dalam contoh 15, ***layar/tirai air mata*** merupakan metafora. Dalam konteks ini layar/tirai air merupakan sumber domain (SD) untuk menyampaikan maksud air mata/kesedihan yang dirasai oleh sumber sasaran (SS). Kegembiraan dan kesedihan adalah sebahagian daripada kehidupan harian. Apabila kita menerima berita yang gembira kita akan berasa senang hati. Sebaliknya, apabila mendengar atau menerima berita buruk, hati yang sensitif tanpa disedari akan berasa sedih (Murugesan, 2008). Dalam novel ini, kisah percintaan Madhavan dan Radha telah diketahui oleh keluarga Radha. Ayah Radha telah memaksa Radha untuk mengahwini abang iparnya yang berada di Kedah. Hal ini diketahui oleh Madhavan. Seperti biasa mereka bertemu di rumah kakak Thangam. Pada pandangan pertama selepas melalui detik paling menyakitkan hati ini, mata Radha dilinangi air mata.

Contoh 16:

ஞான ஒளி தோட்டத்து எல்லைக்குள் எப்போது படருமோ?

Penterjemahan Literal:

*Bilakah **cahaya kesedaran** akan menyinari *ladang kita*?*

Dalam contoh 16, *cahaya kesedaran* (**ஞான ஒளி**) merupakan metafora. Dalam hal ini, ketiadaan sinaran cahaya (atau kegelapan) adalah metafora atau sumber domain (SD) yang merujuk pada sumber sasaran (SS) iaitu pengetahuan yang cetek atau kekurangan kesedaran tentang dunia luar. Kehidupan ladang merupakan kehidupan yang serba kekurangan. Rakyat hidup dalam kegelapan. Mereka kurang arif dengan perkembangan zaman. Mereka juga tidak mahu mengambil tahu perkembangan yang berlaku di sekeliling (Segar, 2015). Keadaan yang sama juga dilihat dalam novel ini. Masyarakat ladang ini tidak mahu berubah diri. Bagi mereka ladang adalah segala-galanya. Mereka tidak mahu keluar dari kegelapan ini.

4.1.3 Metafora Struktural Berunsur Binatang

Metafora berunsur binatang sebenarnya juga adalah sebahagian daripada alam tetapi oleh kerana terdapat kategori berasingan untuk binatang dalam kerangka metafora yang disarankan oleh Lakoff dan Johnson (1989) maka metafora berunsur binatang dianalisis berasingan daripada metafora berunsur alam. Binatang seperti helang, serigala, burung hantu, lembu digunakan dalam novel ini sebagai metafora.

Contoh 1:

“ஜனங்க... மகாஜனங்க. நான் பார்க்காத ஜனவகளா ஆட்டு மந்தைகள்”

Penterjemahan Literal:

*“manusia.... macam le saya tak pernah lihat mereka. **Gerompolan kambing**”.*

Dalam contoh 1, ***gerompolan kambing*** (ஆட்டு மந்தைகள்) merupakan metafora.

Dalam hal ini, kambing sebagai sumber domain (SD) dan sikap pekerja ladang yang terikut-ikut dijadikan sebagai sumber sasaran (SS). Manusia dikaitkan dengan kambing. Sifat kambing adalah bertindak sebagai ‘pak turut’. Pada kebiasaannya, kambing tidak mempunyai sifat berani dan bertindak sendiri. Jika ditarik ke kanan, kambing itu ke kanan dan jika ditarik ke kiri, maka kambing itu ke kiri (Bakhiavathi, 1980). Tindakan kambing ini disamakan dengan penduduk di ladang. Pada pandangan penulis, penduduk ladang tidak mempunyai pendirian yang tetap. Mereka mengharapkan pihak majikan untuk membuat keputusan bagi pihak mereka.

Contoh 2:

இந்த மனுவை மிருகத்துக்கிட்ட மாட்டிக்கிட்டதுக்கு அந்த காட்டு மிருகத்துக்கிட்ட தேயே மாட்டிச் செத்துத் தொலைக்கலாம்

Penterjemahan Literal:

. *Saya sanggup mati diserang oleh binatang hutan daripada hidup bersama suami binatang di rumah.*

Dalam contoh 2, suami binatang (மனுவை மிருகத்துக்கிட்ட) adalah metafora. Dalam hal ini, binatang sebagai sumber domain (SD) merujuk pada keganasan sikap manusia yang tidak berperikemanusiaan iaitu sumber sasaran (SS). Selain kambing, binatang seperti lembu, anjing, babi dan tupai juga digunakan sebagai metafora dalam novel ini. Dalam konteks novel *Elachia Payanamini*, suami dikaitkan dengan sikap binatang yang kejam. Ladang dikelilingi hutan yang tebal. Di situ terdapat binatang buas seperti harimau yang memburu binatang-binatang lain seperti rusa, kambing, babi, kerbau dan sebagainya untuk dijadikan makanan (Tengku, 2011). Sifat harimau yang semulajadi tidak membenarkan manusia menjadikannya haiwan peliharaan. Walaupun kita menjaga harimau dengan baik, suatu hari nanti kita mungkin dibaham olehnya. Begitu juga dengan suaminya yang

bersikap ganas, dan tidak berperikemanusiaan. Hidup Radha merana kerana suaminya terlalu ganas dan memukulnya setiap kali meminum arak. Apabila kekejaman keluarga ini berterusan, keinginan untuk terus hidup tidak wujud lagi. Dia lebih rela mati daripada hidup bersama suaminya.

Contoh 3:

இந்த மிருகங்களுக்கு மத்தியிலே ஜனங்க என்னமா கஸ்டப்படறாங்க.

Penterjemahan Literal:

*Masyarakat ladang hidup merana di bawah **kawalan binatang** kamu.*

Dalam contoh 3, kawalan binatang (மிருகங்களுக்கு மத்தியிலே) adalah metafora.

Dalam konteks novel, perbuatan penderaan yang kejam iaitu sumber sasaran (SS) disampaikan melalui penggunaan metafora binatang iaitu sumber domain. Metafora binatang juga dapat dilihat dalam Contoh 3 berkaitan dengan kehidupan masyarakat ladang. Pekerja-pekerja ladang diletakkan di bawah pengawasan penolong kerani yang mengambil peluang untuk mendera pekerja ladang. Mereka mengambil kesempatan untuk memaki, membuli para pekerja. Tambah lagi, adakalanya anak gadis akan menjadi mangsa kepada nafsu penolong kerani (Segar, 2012). Apabila pekerja ladang mengadu peristiwa-peristiwa seperti ini kepada pihak atasan, pihak majikan tidak mendengar kata-kata pekerja ladang. Dalam ertikata lain, kerani ladang tidak berperikemanusiaan telah dimetaforakan kepada binatang liar. Keadaan yang sama dapat dilihat dalam novel *Selancar Empat*. Pengawal pekerja iaitu Naga pernah mengambil kesempatan terhadap pekerja ladang. Malahan, dia tidak menghormati mereka sebagai manusia. Pekerja ladang memetaforakan dia sebagai binatang.

Contoh 4:

என்னைக் கொண்டுபோய் அந்தக் **கோட்டானுக்குக்** கொடுக்கப் போறாவ்களா.

Penterjemahan Literal:

*Mereka nak mengahwinkan saya dengan **burung hantu** itu?*

Dalam contoh 4, burung hantu (**கோட்டானுக்குக்**) adalah metafora. Dalam konteks novel ini, burung hantu ialah sumber domain (SD). Burung hantu dilambangkan kepada perwatakan yang hodoh dan tidak sepadan. Ia dianggap sebagai sumber Sasaran (SS). Burung hantu mempunyai wajah yang ngeri. Matanya bulat dan penampilannya mungkin menakutkan anak kecil. Masyarakat India percaya bahawa burung hantu membawa kecelakaan apabila mendengar bunyi suaranya dan lebih-lebih lagi kalau mendengar bunyinya pada waktu pagi. Mereka percaya ia sebagai tanda yang akan membawa berita kematian (Bharathiyaar, 2010). Begitu juga dengan perwatakan lelaki yang mengahwini Radha. Kulitnya hitam pekat dan mukanya yang hodoh tidak sepadan dengan gadis yang begitu cantik. Sedangkan Radha terlalu cantik dan menjadi pilihan ramai remaja di ladangnya. Kehodohan burung hantu dikaitkan dengan suami Radha yang nampak hodoh.

Contoh 5:

அவ ஒரு **மாட்டு ஜென்மம்**. ஓழைக்காட்டா அந்த ஜென்மத்துக்குச் சாபல்யம் இல்லே.

Penterjemahan Literal:

*Dia dari **keturunan lembu**. Jadi samada dia hendak tak hendak terpaksa juga bekerja keras.*

Dalam contoh 5, *keturunan lembu* (**மாட்டு ஜென்மம்**) merupakan metafora. Sikap lembu yang bekerja keras tanpa mengeluh dikatakan sumber Sasaran (SS). Jadi lembu berfungsi sebagai sumber domain (SD). Bagi masyarakat India lembu dianggap sebagai dewa. Masyarakat Tamil memuja lembu dan memberi tempat yang utama dalam perayaan

dan upacara sehingga mengadakan perayaan *ponggal* (Thillainathan, 1989). Ini kerana sepanjang tahun lembu banyak berjasa kepada masyarakat ladang mahupun golongan petani. Lembu bekerja keras di sawah bendang bagi kerja-kerja mengusahakan tanah di sawah. Manakala, bagi masyarakat ladang, susu lembu adalah makanan/mimuman utama. Sikap lembu yang kerja sepanjang hari tanpa mengeluh dikaitkan dengan watak sampingan, Thangam dalam novel '*Elachia Payanam*'.

Contoh 6:

அதை அந்த நரிப்பய பாத்துட்டுவந்து பெரிய கிராண்கிட்ட சொல்லிட்டானாம்

Penterjemahan Literal:

Serigala telah melihat sesuatu dan melaporkannya pada ketua kerani.

Dalam contoh 6, Serigala (**நரிப்பய**) juga merupakan metafora. Dalam hal ini serigala dikatakan sebagai sumber domain (SD). Ketangkasan membuat tipu helah serigala merujuk pada sumber sasaran (SS). Selain kambing, lembu dan binatang secara umumnya, serigala juga dijadikan metafora oleh penulis novel. Serigala merupakan seekor binatang yang pandai dalam tipu helahnya. Memang tidak dapat dinafikan terdapat banyak cerita rakyat yang berkaitan serigala. Serigala pandai membuat tipu helah untuk melepaskan diri daripada musuhnya. Selain itu, serigala juga sering berfungsi sebagai agen untuk binatang lain bagi melakukan sesuatu yang buruk. Apabila serigala habis membuat kerja ‘kotornya’ dia akan mendapat ganjaran. Begitulah ceritanya dalam novel *Elachia Payanam*. Penolong kerani dianggap serigala dalam novel ini. Ini kerana dia dilihat menghasut sesuatu kepada ketua kerani sehingga watak utama digantung pekerjaan selama sehari. Penolong kerani mendapat nama baik dan pujian daripada ketua kerani hasil perbuatan ini. Sikap menghasut atau melakukan sesuatu untuk menjatuhkan seseorang dan mengaut untung untuk diri sendiri (sumber sasaran) ini dimetaforakan dengan sikap serigala (sumber domain).

Contoh 7:

கழுக்கன்கள் தங்கத்துக்கு மாதவன் தன்னீர் பிடித்துக் கொடுத்ததைக் கண்டுவிட்டன

Penterjemahan Literal:

Mata helang telah mengesan tindakannya yang membenarkan Thangam dan pekerjaanya untuk mengambil air dari takungan.

Dalam contoh 7, *Mata helang* (கழுக்கன்கள்) merupakan metafora. Helang mempunyai penglihatan yang tajam. Walaupun ia merupakan burung yang terbang paling tinggi tetapi ia masih dapat mengesan mangsanya dengan tepat (Satgunam, 2015). Dalam cerita ini, watak utama Madhavan membenarkan Thangam untuk mengambil air dari kolam takungan. Sebenarnya ia merupakan kawasan larangan. Oleh kerana masyarakat ladang terpaksa pergi enam kilometer untuk mendapatkan air, maka Madhavan membenarkan Thangam dan beberapa pekerja ladang untuk mengambil air dari kolam takungan. Malangnya, ini telah dilihat oleh kerani. Dalam konteks ini, helang menjadi sumber domain (SD). Manakala penglihatan/pengawasan yang tajam/rapi oleh kerani dikatakan sumber sasaran (SS).

Contoh 8:

“பத்தாண்டுகளுக்கு முன்பு பாடாங் தோட்டத்தில் வண்ணத்துப் புச்சியாக இருந்த ராதாவைக் காண முடியவில்லை”

Perterjemahan Literal:

Kini tidak dapat melihat Radha yang pada sepuluh tahun dahulu pernah menjadi rama-rama.

Dalam contoh 8, rama-rama (வண்ணத்துப்புச்சி) menjadi metafora. Rama-rama dijadikan sumber domain (SD) dan kecantikan rama-rama dijadikan sebagai sumber sasaran (SS) terhadap Radha. Rama-rama memang cantik dengan pelbagai warna pada sayapnya. Setiap orang suka melihat rama-rama. Apabila melihat rama-rama kita berasa gembira.

Pada masa yang sama, kita juga tertarik dengan kecantikan warnanya. Kecantikannya sama seperti burung merak (Tengku, 2011). Begitu juga dengan wajah Radha yang sebelum ini begitu cantik pada suatu ketika dahulu. Dia pernah menjadi gadis pilihan ramai jejaka di Ladang Padang. Setelah mendirikan rumah tangga selama sepuluh tahun kecantikannya telah berubah. Dia tidak lagi kelihatan sebagai seorang yang cantik.

Contoh 9:

கட்டுக் கடங்காத காளையாக விளங்கினான்.

Penterjemahan Literal:

Dia adalah lembu jantan yang sukar dikawal.

Dalam contoh 9, *lembu jantan* (காளையாக) merupakan metafora. Lembu jantan merupakan binatang yang tidak asing dalam kehidupan masyarakat India. Lembu jantan digunakan di sawah bendang untuk membajak tanah. Manakala masyarakat ladang pula memelihara lembu jantan agar dapat menjualnya dengan harga tinggi. Tambahan lagi, selepas musim menuai, masyarakat India mengadakan permainan *jalli kathu* (Dhasaranamurthy, 1987). Lembu jantan dibela khas untuk pertandingan ini. Jadi lembu yang dibela ini seakan-akan bersusuk badan seperti seladang. Belia-belia di kampung akan cuba mengawal pergerakan lembu jantan sejurus ia dilepaskan dari kandangnya. Lembu jantan yang telah diajar itu terlalu ligat untuk menangkapnya. Dalam novel ini Madhavan dilihat sebagai lembu jantan yang susah dikawal. Maka, lembu jantan menjadi sumber domain (SD) untuk melambangkan keligatan lelaki yang menjadi sumber sasaran (SS).

Contoh 10:

நாட்டின் பல திக்குகளும் விலை போகும் தோட்டங்களை வாங்கி கூறு போட்டுவிற்று ஆதாய்ந்தேடும் திமிங்கிலங்கள் பெருகிவர்தன.

Penterjemahan Literal:

Ramai taukeh yang digelar ikan paus mengelilingi ladang-ladang berhampiran untuk membelinya. Mereka akan membahagi-bahagikan kepada kebun kecil dan menjualnya.

Dalam contoh 10, *ikan paus* (திமிங்கிலங்கள்) merupakan metafora. Dunia perniagaan penuh dengan cabaran. Pencabar sentiasa menanti masa yang baik untuk menjatuhkan kita. Kita harus berwaspada dengan pencabar kita (Salmah Othman, 1999). Masyarakat ladang sentiasa memanggil peniaga cina dengan panggilan *taukeh*. Kebiasaannya, peniaga Cina yang menjalankan perniagaan kedai runcit dan pemajakan tanah (Kumaran, 2010). Taukeh dianggap sebagai ikan paus kerana ikan paus merupakan ikan yang paling besar. Ikan-ikan lain berasa takut untuk berhadapan dengan ikan paus. Oleh kerana sikap keganasan ikan paus, ikan-ikan lain tidak berani berhadapan denganya. Begitu juga dengan pembeli tanah. Mereka menjalankan perniagaan pada jangka masa yang lama. Oleh itu, mereka mempunyai sumber kewangan yang kukuh. Mereka tidak perlu takut dengan sesiapa sahaja. Segala-galanya dikecapi dengan wang ringgit. Wang memberikan keberanian kepada mereka. Dalam hal ini, ikan paus sebagai sumber domain (SD) dan keberanian sebagai sumber sasaran (SS).

Contoh 11:

தொழிற்சங்கம் வேண்டா என்பது சுத்தமாக முதலைக்கண்ணீர்தான் என்றும் எண்ணினான்.

Penterjemahan Literal:

Pihak majikan berair mata buaya menyokong Kesatuan Sekerja.

Dalam contoh 11, berair mata buaya (முதலைக் கண்ணீர்தான்) merupakan metafora. Buaya merupakan antara binatang buas. Terdapat banyak cerita rakyat yang melibatkan buaya dengan sang kancil, monyet dan lain-lain lagi. Mata buaya sentiasa berlinangan air mata bagi menarik perhatian dan mewujudkan rasa simpati mangsanya. Dalam konteks novel, pihak majikan ladang tidak menyukai aktiviti Kesatuan Sekerja bergiat aktif di ladang masing-masing. Ini kerana kegiatan mereka akan menghasut dan

menuntut pihak majikan untuk menunaikan permintaan mereka. Dalam konteks novel ini, pihak Kesatuan Sekerja yang dipimpini oleh Chinnasamy menuntut pelbagai permintaan daripada majikan. Ini tidak disukai oleh pihak majikan yang ditadbir oleh orang putih. Jadi mereka memanggil setiausaha Kesatuan Sekerja yang juga berkerja sebagai kerani di ladang tersebut iaitu Madhavan untuk memujuknya supaya tidak aktif dalam persatuan tersebut. Dalam hal ini air mata buaya sebagai sumber domain (SD) manakala sifat kepura-puraan buaya adalah sebagai sumber sasaran (SS).

Contoh 12:

உட்கார்ந்த போது மினிஸ்கர்ட்டை மீறி வாழைத் தொடைகள் தங்கள் அழகைக் காட்டிக்கொண்டன.

Penterjemahan Literal:

*Bila [Neela] yang memakai mini skirt duduk di atas kerusi, **peha batang pisangnya** yang licin itu kelihatan.*

Dalam contoh 12, peha batang pisangnya (வாழைத் தொடைகள்) merupakan metafora. Mengikut budaya tradisional Tamil, kaum wanita perlu menjaga adab ketika duduk di hadapan lelaki (Lam, 2016). Lebih-lebih lagi apabila memakai pakaian yang pendek seperti mini skirt. Dalam konteks novel ini, Neela yang memakai mini skirt duduk di hadapan Madhavan. Pehanya kelihatan licin bagaikan batang pokok pisang. Batang pokok pisang berfungsi sebagai sumber domain (SD) manakala kelincinan peha Neela menjadi sumber sasaran (SS).

4.1.4 Metafora Struktural Berunsur Anggota Badan

Anggota badan juga dijadikan metafora dalam novel ini. Antara anggota badan yang digunakan oleh penulis novel adalah pipi, tangan, badan, peha dan sebagainya.

Contoh 1:

ஊழைத் தொழிலாளர்களுக்குச் சங்கம் வாயாக அமைந்துவிடக் கூடாதே என்பதில் அவருக்கு எவ்வளவு பயம்?

Penterjemahan Literal:

Pihak majikan terlalu takut dengan pihak lain agar *pekerja yang [mem]bisu* akan menyuarakan pendapat mereka.

Dalam contoh 1, *pekerja yang [mem]bisu* (ஊழைத் தொழிலாளர்களுக்குச்) merupakan metafora. Pekerja merupakan asset bagi majikan. Adalah menjadi tanggung jawab majikan untuk menjaga kebajikan pekerjanya. Pada era 60-an ramai yang menyuarakan akan hak asasi pekerja. Pelbagai pertubuhan dan kesatuan telah ditubuhkan bagi memperjuangkan hak asasi pekerja. Dalam konteks novel, Dalam tahun ke60-an, P.P. Narayanan, Setiausaha Kehormat Kesatuan Sekerja Malaysia telah menyuarakan kepentingan Kesatuan Sekerja di setiap negeri (Ramasamy, 1999). Lantaran itu, setiap pekerja disyorkan agar Kesatuan Sekerja didirikan di setiap ladang. Pada awalnya pekerja ladang patuh pada majikannya. Setelah Kesatuan Sekerja didirikan di ladang tersebut, pihak majikan tidak mahu menerima kerana pekerja yang sekian lama membisu dapat menyuarakan pendapat dan ketidakpuasan mereka melalui pertubuhan tersebut. Dalam konteks ini, sumber domain (SD) adalah mulut bisu pekerja yang merujuk pada sumber sasaran (SS) iaitu ketiadaan penyuaraan pendapat masyarakat ladang sehingga dapat berbuat demikian melalui kesatuan sekerja.

Contoh 2:

உங்களுக்குப் பொம்பல மனம். அதான் சின்னதுக்கெல்லாம் கவலை படுறீங்க

Penterjemahan Literal:

Kamu berhati perempuan. Sebab itu kamu asyik sedih walaupun perkara tersebut adalah remeh.

Dalam contoh 2, *berhati perempuan* (பொம்பல மனம்) merupakan metafora.

Persepsi am terhadap kaum lelaki adalah bahawa mereka sentiasa berjiwa kental. Mereka dianggap dapat menahan segala kesusahan dan jarang menitiskan air mata berbanding dengan kaum perempuan (Gopalan, 2008). Tetapi ada juga lelaki yang berjiwa perempuan. Mereka terlalu lembut dan cepat terasa. Mereka juga sukar menghadapi dugaan. Adakalanya mereka menitiskan air mata. Dalam konteks novel ini, Madhavan cepat memikirkan pelbagai andaian apabila percintaan antara dia dengan Radha telah diketahui oleh ahli keluarga Radha. Dalam hal ini, berhati perempuan adalah sumber domain(SD) dan kelembutan hati Madhavan, watak utama lelaki, merupakan sumber sasaran (SS).

Contoh 3:

மாதவன் அவளை எட்டிப்பிடித்துத் தன் கைச்சிறைக்குள் வைத்தான்.

Penterjemahan Literal:

Madhavan mendakapnya [Radha] dan meletakkannya dalam penjara tangannya (iaitu memenjarakan kekasihnya dalam dakapannya.)

Dalam contoh 3, *penjara tangannya* (கைச்சிறைக்குள்) merupakan metafora.

Kehidupan banduan adalah sentiasa diawasi pergerakannya. Mereka tidak boleh melepaskan diri. Terdapat kawalan yang ketat perlu dilepasi sebelum melepaskan diri dari penjara. Keadaan yang sama dapat dilihat dalam novel *Elachia Payanam*. Madhavan bersembang dengan kekasihnya, Radha. Radha menyedari pertemuan mereka semakin rapat lalu dia ingin balik ke rumahnya. Pada ketika Radha cuba bangun dia ditarik semula

dan didakapi dengan penuh kuat. Dia tidak boleh keluar daripada dakapan Madhavan seolah-olah berada di dalam penjara. Dalam situasi ini, dua belah tangan yang mendakap dikatakan sebagai sumber sasaran (SS). Dakapan Madhavan yang tidak boleh melepaskan diri oleh Radha dianggap sebagai penjara. Maka ia adalah sumber domain (SD).

4.1.5 Metafora Struktural Berunsur Lain-Lain

Unsur-unsur lain seperti bau, tempat, peperangan dan lain-lain juga dijadikan metafora oleh penulis novel. Penggunaan metafora ini memberi impak kepada perjalanan cerita.

Contoh 1:

வெறும் கவர்ச்சியை மட்டும் விரும்புகின்ற கண்களுக்கு நீலா ஊர்வசிபாகத் தெரியலாம்.

Penterjemahan Literal:

Kepada sesiapa yang mengagung-agungkan kecantikan, Neela kelihatan [sebagai] Urvasi.

Dalam contoh 1, *Urvasi* (ஊர்வசிபாகத்) merupakan metafora. Menurut Kesusasteraan Tamil, Dewa Inthiran mempunyai tiga penari yang begitu cantik dan tiada tolok bandingnya iaitu Rambai, Urvasi dan Menagai. Kejelitaan mereka dikagumi oleh dewa-dewa lain (Karunanithi, 1983). Susuk badan mereka cukup ramping sehingga semua dewa ingin memiliki mereka. Dalam konteks ini, Neela begitu cantik dan dianggap gadis paling jelita di ladang. Dia digilai oleh semua lelaki di ladang kecuali Madhavan. Kejelitaan Urvasi dikatakan sebagai sumber domain (SD) digunakan sebagai lambang atau metafora untuk keghairahan lelaki untuk memiliki Neela sebagai isteri yang merupakan sumber sasaran (SS) dalam novel *Elachia Payanam*.

Contoh 2:

உள்ளேரண்மாய் இருந்த நினைவுப்புண்ணை அம்மா மேலும் கிண்டி விட்டார்.

Penterjemahan Literal:

Emak mengimbas kembali *luka lamanya* yang masih tidak hilang itu.

Dalam contoh 2, luka lamanya (நினைவுப்புண்ணை) merupakan metafora.

Kehidupan manusia penuh dengan ranjau. Ada kisah yang menggembirakan. Dalam metafora ini luka adalah sumber domain (SD). Manakala rasa keperitan adalah sumber sasaran (SS). Kehidupan manusia penuh dengan keceriaan dan kesusahan. Kita sering berdepan dengan kisah yang melukakan hati (Varatharasan, 2008). Adalah menjadi lumrah manusia untuk mengimbas kembali peristiwa manis maupun sedih. Dalam konteks novel ini, kisah Madhavan yang telah putus cinta dengan Radha diimbas kembali oleh emaknya. Ini membangkitkan semula luka yang telah lama terpendam.

Contoh 3:

வார்த்தைகள் குடு பிடித்தன.

Penterjemahan Literal:

Kata-kata menjadi semakin panas.

Dalam contoh 3, *Kata-kata menjadi semakin panas* (குடு பிடித்தன) merupakan metafora. Perhubungan sesama kita harus mengikuti norma-norma perbualan yang sopan santun. Adakalanya kita terlepas kata menyebabkan perhubungan menjadi renggang. Apabila emosi kita terganggu dan berasa marah, perkataan yang keluar dari mulut menjadi lebih panas. Kita berganjak untuk menggunakan kata-kata kesat (Sabapathy, 2007). Kita sanggup memaki hamun dan umpat-mengumpat. Ini akan mengeruhkan keadaan. Dalam

contoh ini, suhu panas menjadi sumber domain (SD) dan perkataan kesat menjadi sumber sasaran (SS).

Contoh 4:

இடுப்பில் தங்க மறுத்துக் கீழே இறங்கத் துடிக்கும் அரைக்கால்சட்டை

Penterjemahan Literal:

Seluar yang beria-ia hendak tanggal sendiri.

Dalam contoh 4, seluar yang beria-ia hendak tanggal sendiri (கீழே இறங்கத் துடிக்கும் அரைக்கால்சட்டை) merupakan metafora. Setiap orang akan mencari ruang dan masa untuk meluahkan perasaan yang terpendam dalam hati mereka. Apabila perasaan sudah diluahkan pasti seseorang berasa lebih selesa dan jiwanya tenteram (Muhammad, 1984). Dalam novel ini juga terdapat situasi yang sedemikian. Watak utama, Madhavan beria-ia ingin meluahkan perasaan cintanya kepada gadis pujaannya, Radha. Dalam konteks ini, seluar yang beria-ia hendak tanggal sendiri dianggap sebagai sumber domain (SD). Keinginan untuk meluahkan perasaan adalah sumber sasaran (SS).

Contoh 5:

அவனுக்கு நடைவண்டியாகத் தமிழ்ச் செல்வன் இருந்தான்.

Penterjemahan Literal:

Tamil Selvan menjadi penunjuk arah kepadanya.

Dalam contoh 5, *penunjuk arah* (நடைவண்டி) merupakan metafora. Persahabatan merupakan satu ikatan yang unik. Adalah senang untuk mendapatkan kawan yang gelak bersama kita. Tetapi begitu sukar untuk mencari kawan yang menangis bersama ketika kesusahan (Varatharasan, 2010). Dalam novel ini, Madahavan dan Tamil Selvan

merupakan sahabat handai. Madhavan yang tinggal di ladang tidak begitu biasa dengan kehidupan bandar. Jadi, Tamil Selvan menjadi pakar rujuk dalam segala-galanya. Dia memberi pandangan bernalas dalam memajukan perniagaan kedai bukunya. Segala kesenangan dan kesusahan dalam perniagaan dikongsi bersama Tamil Selvan. *Nadavandi* adalah alat permainan yang digunakan oleh kanak-kanak untuk belajar berjalan. Kanak-kanak memegang pada batangnya dan mengikuti ke arah yang ditujunya. Jadi, alat permainan sebagai sumber domain (SD) menjadi panduan untuk berjalan. Oleh yang demikian, tunjuk ajar dikatakan sebagai sumber sasaran (SS).

Contoh 6:

அப்போது இருள்திரையிட்டிருந்தது

Penterjemahan Literal:

Pada ketika itu *kegelapan melayari hutan*

Dalam contoh 6, *kegelapan melayari hutan* (இருள் திரையிட்டிருந்தது) merupakan metafora. Hutan merupakan satu khazanah pemberian tuhan. Kecantikan pokok-pokok yang tinggi dan rendah serta kicauan burung menambah nilai estetika hutan. Tambahan lagi, pelbagai pokok yang menjadi kawasan tадahan hujan harus dijaga. Ini adalah tanggung jawab sebagai penghuni bumi. Dalam konteks novel, layar digunakan sebagai metafora untuk suasana gelap yang menyelubungi hutan. Kebiasaannya hutan yang ditutupi dengan pokok tebal sentiasa gelap. Tambahan lagi, ketika hari mendung suasana hutan menjadi sungguh gelap. Jadi, layar adalah sumber domain (SD). Keadaan hutan yang gelap menjadi sumber sasaran (SS).

Contoh 7:

வாழ்க்கையில் இனிப்பும் இருக்கும் கசப்பும் இருக்கும்.

Penterjemahan Literal:

Dalam hidup ini, peristiwa manis dan pahit saling berganti.

Dalam contoh 7, *peristiwa manis dan pahit saling berganti* (இனிப்பும் இருக்கும் கசப்பும் இருக்கும்) merupakan metafora. Seseorang individu akan mengharungi peristiwa-peristiwa manis dan pahit setiap hari. Kedua-duanya pasti akan bersilih ganti. Tiada seorang pun akan menerima peristiwa pahit mahupun manis sepanjang kehidupan. Ini adalah lumrah kehidupan (Kannadasan, 1974). Penulis menggunakan rasa manis dan pahit sebagai metafora. Dalam erti kata lain, manis merujuk kepada peristiwa gembira manakala, pahit kepada peristiwa buruk. Rasa manis dan pahit adalah sumber domain (SD). Manakala peristiwa pahit dan manis yang dirujuk oleh kedua-dua rasa itu dianggap sumber sasaran (SS).

Contoh 8:

அவரது வாயிலிருந்து நாற்றமான வார்த்தைகள் வெளிப்பட்டன.

Penterjemahan Literal:

Daripada mulutnya keluar perkataan –perkataan berbau busuk (kesat).

Dalam contoh 8, *perkatan –perkataan berbau busuk* (நாற்றமான வார்த்தைகள்) merupakan metafora. Adab pertuturan harus dipentingkan ketika berbual dengan sesiapa ju. Kadang-kala kita juga menggunakan perkataan-perkataan kesat dalam perbualan harian. Penggunaan kata-kata kesat ini selalunya menunjukkan ketidakpuasan perasaan, marah atau dengki terhadap seseorang. Kelukaan yang wujud disebabkan penuturan kata-kata luah mahupun yang menyakitkan hati akan meninggalkan parut yang tidak akan hilang selama-lamanya. Dalam konteks ini, bau busuk merupakan sumber domain (SD) manakala perkataan-perkataan kesat adalah sumber sasaran (SS).

Contoh 9:

வேண்டாத திருமணச் சிறையிலிருந்து தான் மீள முடியாதோ என்று அவள் மயங்கினாள்

Penterjemahan Literal:

Bukankah saya tidak boleh keluar daripada **penjara perkahwinan**?

